

Bil. 44

**Rabu
8 Oktober 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

Bencana Jerebu - Pelan Tindakan Mengatasi (Ruangan 12)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pengurupan Wang 1997 (Ruangan 27)

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997 (Ruangan 36)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titivangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,
P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- Yang Berhormat Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Salamat
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWANRAKYAT

Rabu, 8 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN****MESIN ATM - SYARAT PEMBERIAN LESEN
PENUBUHAN BANK**

1. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang mengenakan syarat di mana setiap bank mesti menyediakan mesin ATM sebelum lesen menubuhkan cawangan diberikan memandangkan di sesetengah pekan kecil seperti Endau, Mersing pihak bank tidak menyediakan kemudahan mesin tersebut dan hal ini menyukarkan penyimpan mengeluarkan wang mereka selepas waktu urusniaga bank dan pada hari-hari kelepasan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak terdapat mesin ATM di Endau, Mersing, kajian oleh kedua-dua agensi perbankan yang beroperasi di kawasan tersebut, iaitu Public Bank Berhad dan Public Finance Berhad menunjukkan bahawa perkhidmatan yang tersedia ada di Pekan Endau sekarang ini mencukupi untuk keperluan perbankan pelanggan. Walau bagaimanapun, kedua-dua bank tersebut akan membuat kajian sama ada perkhidmatan ATM perlu disediakan. Bank Negara Malaysia akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat dari Mersing bagi mewajibkan institusi-institusi perbankan menyediakan perkhidmatan ATM di setiap cawangan mereka.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa bulan dahulu berlaku kejadian kehilangan wang simpanan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan ATM di institusi perbankan. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sejauh manakah serius masalah ini dan apakah tindakan Bank Negara dalam menangani masalah ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara amat sensitif mengenai perkara ini dan prihatin. Kita dapati bahawa jumlah institusi-institusi perbankan yang menjadi mangsa kes kecurian wang melalui ATM pada tempoh 1.1.1997 hingga 31.7.1997 adalah seperti berikut:-

Institusi Perbankan	Jumlah Kes	Jumlah RM
Bank Perdagangan - 13	1,054	1,606,751
Syarikat Kewangan - 4	26	64,478
Jumlah	17	1,671,129

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya apa yang berlaku dalam kes ini agak serius, memandangkan melibatkan wang yang banyak dan juga bilangan kes yang banyak. Jadi, apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh kementerian Yang Berhormat dalam menangani masalah ini supaya masyarakat kita yakin kepada sistem ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini kita kena memandang dua belah pihak. Satu pihak institusi, dan satu lagi pihak persendirian. Sebagai langkah untuk mengatasi gejala tersebut, Bank Negara telah mengarahkan bank-bank supaya meningkatkan dan mengetatkan langkah keselamatan berhubung dengan operasi ATM ini. Pertamanya, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menasihatkan supaya mengadakan ruang tertutup bagi mengelakkan mereka yang tidak bertanggungjawab mengintip nombor pengenalan atau PIN number dan membuat kad pendua atau duplicate. Bank-bank juga telah mengenal pasti bahawa ATM yang betul-betul perlu dipasang perakam kamera agar pengeluaran wang oleh bukan penyimpan dapat dikenali.

Yang ketiganya, tidak lagi mencetak nombor akaun ATM di penyata urusan apabila pengeluaran melalui mesin ATM dilakukan. Ini oleh kerana sebab ramai daripada pengeluar-pengeluar apabila telah mendapat wang, resit itu dicampakkan begitu sahaja dengan nombor akaun ATM bersekali.

Yang keempat, mengadakan program kesedaran melalui risalah, ceramah dan sebagainya. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa jumlah kad ATM yang dikeluarkan oleh institusi perbankan pada 30.9.97 ialah sebanyak RM9 juta. Jadi, transaksi pengeluaran melalui ATM dianggarkan kadar purata RM2.3 juta. Kita lihat bahawa jumlah transaksi pengeluaran wang tanpa

transaksi sahaja, iaitu kalau dibandingkan dengan 9 juta pengeluaran kad ATM, ia merupakan cuma 0.02% sahaja.

Jadi, apa yang kita telah buat ialah supaya kita ada biro perantaraan perbankan. Ini telah diwujudkan oleh Bank Negara pada 28 Jun 1996. Antara lain ialah supaya pengeluaran dari ATM tanpa pengetahuan pemilik, akaun dapat kita selesaikan.

Untuk ahli-ahli persendirian yang mempunyai kad ATM kita minta supaya dia jangan terlupa akan pengeluaran yang telah dibuat sehinggalah penyata terperinci dikeluarkan kepada penyimpan yang menyatakan ATM mana pengeluaran telah dibuat, jumlah pengeluaran serta masa yang tepat. Kita hendakkan pada jam, minit dan saat itu dicetak di resit tersebut.

Yang keduanya, pengeluaran dilakukan oleh saudara mara, isteri atau isteri-isteri, anak di mana nombor PIN tidak disimpan dengan baik, dan selalu disimpan bersama-sama dengan dompet.

Yang ketiga, pengeluaran wang yang dilakukan oleh kawan-kawan yang diamanahkan seperti budak pejabat ataupun pemandu dan sebagainya. Ini berlaku di kalangan pekerja-pekerja kilang, pelajar-pelajar, kawan-kawan se rumah dan juga kita semua. Jadi, dengan adanya cara ini di antara institusi dan juga pelanggan, saya rasa perkara ini dapat diatasi.

PELACUR ASING - JUMLAH YANG DITANGKAP

2. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) bilangan pelawat perempuan asing yang dalam pas lawatan sosial ke negara kita melacurkan diri dalam tahun 1995 dan 1996; dan
- (b) berapa pelacur asing yang ditangkap itu melakukan pelacuran secara bersendirian dan berapa juga yang melakukannya di bawah sindiket.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pelacur asing yang ditangkap sepanjang tahun 1995 dan tahun 1996 ialah seramai 2,412 orang.
- (b) Kementerian ini tidak mempunyai angka tepat mengenai pelacur asing yang

melakukan kegiatan secara persendirian atau diuruskan oleh sindiket. Sungguhpun begitu, adalah dipercayai kebanyakan kegiatan mereka di negara ini adalah diuruskan oleh sindiket yang terancang.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah negara-negara asal, dari mana pelacur-pelacur asing datang?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka ini datang dari tiga negara jiran, iaitu Indonesia - 1,445, Filipina - 426, dan Thailand - 365. Yang lain-lain angka adalah kecil.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah ini masalah yang nampaknya akan menjadi serius. Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada kerajaan bercadang untuk menubuhkan skuad khas jabatan polis untuk menangani masalah ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, telah pun sedia wujud pasukan khas untuk menangani masalah ini di bawah Jabatan Siasatan Jenayah di Bukit Aman.

LAWATAN PM KE LUAR NEGERI - SEJAUH MANA KEJAYAAN MoU DICAPAI

3. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah usaha-usaha perdagangan, kebudayaan dan sosial tercapai melalui MoU-MoU yang ditandatangani dalam lawatan-lawatan Perdana Menteri ke negara-negara asing, seperti Afrika, Timur Tengah, Afrika Tengah dan Asia Tengah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, hubungan ekonomi dan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara di Afrika, Timur Tengah, Afrika Tengah dan Asia Tengah telah meningkat melalui usaha-usaha galakan perdagangan dan pelaburan yang diambil semasa lawatan-lawatan Perdana Menteri serta melalui MOU-MOU yang ditandatangani oleh syarikat-syarikat tempatan dengan kerajaan dan syarikat-syarikat negara tersebut. Melalui MOU-MOU yang ditandatangani perdagangan Malaysia dengan negara-negara ini telah meningkat. Pelabur-pelabur Malaysia juga telah berjaya menerokai dan menyertai projek-projek pembangunan infrastruktur dan pengilangan di negara-negara tersebut.

Dari segi perdagangan, jumlah eksport Malaysia ke negara-negara ini bagi tempoh tiga tahun kebelakangan telah meningkat seperti berikut: Bagi

kebelakangan telah meningkat seperti berikut: Bagi Afrika, jumlah eksport Malaysia ke negara-negara itu telah meningkat daripada RM1,219 juta dalam tahun 1994 kepada RM2,049 juta dalam tahun 1996. Bagi Timur Tengah, jumlahnya ialah RM2,323 juta dalam tahun 1994 kepada RM3,833 juta dalam tahun 1996. Bagi Amerika Selatan jumlah telah meningkat kepada RM2,659 juta dalam tahun 1996 berbanding dengan RM2,187 juta dalam tahun 1994. Bagi Asia Tengah pula jumlah bagi tahun 1994 ialah RM178 juta telah meningkat kepada RM352 juta dalam tahun 1996.

Dari segi pelaburan syarikat-syarikat tempatan juga berjaya melabur di negara-negara tersebut. Jumlah pelaburan Malaysia di sektor hartanah, perhotelan, telekomunikasi, pertanian, pengilangan dan perlombongan di negara ini adalah seperti berikut:

Afrika Selatan	-	RM2,006 juta
Zimbabwe	-	RM1,250 juta
Amerika Selatan	-	RM627 juta
India	-	RM800 juta
Republik Krihiz	-	RM56 juta
Croatia	-	RM16 juta.

Tuan Yang di-Pertua, di antara 65 MOU dan perjanjian-perjanjian usahawan yang ditandatangani oleh pelabur Malaysia dengan pelabur dan kerajaan asing semenjak tahun 1955 didapati sebanyak 20 tidak dapat dilaksanakan. Antara sebab-sebab MOU tidak dapat dilaksanakan ialah projek didapati tidak berdaya maju (viable) setelah kajian kemungkinan dijalankan, menghadapi pelbagai masalah rundingan dengan rakan usahasama asing, masalah pembiayaan projek, penangguhan projek disebabkan perkembangan baru terhadap program penswastaaan di negara rakan usahasama, kesukaran mematuhi peraturan dan dasar kerajaan rakan asing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan MOU-MOU yang ditandatangani oleh syarikat-syarikat tempatan dengan kerajaan dan syarikat-syarikat asing adalah satu usaha yang tulen dan mengurangkan kemungkinan MOU yang ditandatangani dari terbengkalai, kerajaan telah memutuskan supaya semua MOU dan perjanjian usahasama dengan syarikat asing didaftarkan dengan kerajaan. Bagi tujuan ini, satu jawatankuasa telah ditubuhkan di MITI untuk meneliti dan meyemak setiap MOU dan perjanjian usahasama yang dicadang untuk ditandatangani di negara asing.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua,

bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghuraikan bagaimana krisis kewangan dan ekonomi yang melanda negara kita sekarang akan menjejaskan atau mempengaruhi perhubungan perdagangan dan ekonomi dengan negara-negara yang ada disebut oleh Yang Amat Berhormat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada kesan penurunan nilai matawang Ringgit ialah apabila kita melabur di negara asing ataupun kita bersaing dengan negara-negara maju untuk penswastaaan, maka kos meningkat lebih daripada 20% menjadikan kita kurang berdaya saing. Ini adalah satu daripada kesannya. Ini sudah tentu akan menghalang kita daripada bersaing dengan negara-negara maju. Secara tidak langsung penurunan nilai matawang Malaysia ini menguntungkan negara-negara maju dalam persaingan mereka dengan kita. Ada juga kesan-kesan yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana tadi beliau menyatakan kesan-kesan negatif kepada negara kita. Adakah kesan-kesan positif seperti yang pernah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga Yang Berhormat menteri-menteri lain adalah benar bahawa nilai matawang Ringgit yang rendah adalah baik untuk ekonomi negara kita. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju bahawa nilai matawang Ringgit adalah baik untuk negara kita, kalau tidak bolehkah beliau menasihatkan mereka supaya jangan menyatakan ini adalah satu kesan positif yang baik, kerana Pengerusi Eksekutif MAS pernah menyatakan semalam bahawa kalau kerajaan sedia mengambil alih MAS, beliau sedia menjualnya balik kepada Kerajaan Malaysia. Adakah kenyataan ini dibuat kerana nilai matawang Ringgit telah menyebabkan kos MAS naik begitu tinggi sehingga ia tidak viable lagi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri lain memang tepat, tetapi ianya tidak berpanjangan. Pada mulanya kita akan mendapat kelebihan, kerana jatuhnya nilai matawang Ringgit bermakna kos kita turun berbanding dengan keadaan dahulu. Tetapi ini adalah satu perkara yang sementara sahaja. Waktu ini memang banyak daripada pengeluar-pengeluar barangan untuk eksport mendapat keuntungan kerana harga jualan dalam matawang asing masih tetap seperti dahulu, tetapi matawang asing itu sudah menjadi jumlah yang lebih besar dalam bentuk Ringgit. Jadi, bila kos kita tidak naik, maka kita untunglah. Tetapi setakat berapa lama yang kita boleh mengawal kos

Apabila kita dapati barangan asing yang digunakan untuk mengeluarkan barangan kita juga meningkat harganya, kerana kita terpaksa import bahan-bahan ini, maka kos import itu akan menaikkan kos kita. Selain daripada itu, buat sementara waktu kita dapat kerjasama daripada pekerja-pekerja kita yang tidak meminta kenaikan gaji. Tetapi kalau sudah lama dan mereka dapati gaji mereka tidak dapat membeli barangan yang sama seperti dahulu, sudah tentu mereka akan tuntutan gaji yang lebih tinggi, dengan itu kos kita akan meningkat semula. Dengan itu, keuntungan ataupun kelebihan yang kita dapati pada mulanya akan susut sehingga mungkin kita balik kepada keadaan seperti sedia kala.

Berkenaan dengan MAS, saya telah terima surat daripada Tan Sri Tajuddin Ramli. Apa yang dikatakan oleh MAS ialah dalam keadaan kecemasan ini dia bersedia menyerah segala-gala pendapatan MAS kepada kerajaan untuk kerajaan mengurus. Bukan dia hendak jual balik, tidak. Dia tidak jual balik MAS kepada kerajaan, tetapi segala pendapatan yang mungkin dalam bentuk wang asing boleh digunakan oleh kerajaan dalam usaha untuk melawan usaha currency traders ini menjatuhkan nilai matawang Ringgit. Dengan perkataan lain, kerana MAS mempunyai urusan di luar negeri dan dibayar dalam matawang asing, Dollar umpamanya, maka wang ini boleh digunakan oleh kerajaan untuk membeli balik Ringgit supaya harga Ringgit itu tidaklah jatuh. Ini tawaran daripada Tan Sri Tajuddin Ramli dan berbeza sama sekali dengan kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat. Ini adalah satu orang yang besar hati hendak tolong kerajaan. Jadi, janganlah kita kata kepada dia bahawa dia sudah berasa MAS hendak rugi, dengan itu hendak serah kepada kerajaan, tidak, dia tidak kata demikian. Saya ada surat, kalau hendak boleh saya tunjuk.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai MOU yang ditandatangani oleh beberapa korporat yang ikut serta dalam lawatan beliau ke negara-negara asing. Soalan saya ialah bolehkah pihak Yang Amat Berhormat memberi panduan kepada para korporat yang turut sama dalam lawatan itu supaya lebih mengutamakan untuk mencari pasaran hasil-hasil kita di luar-luar negara yang dikunjungi oleh Yang Amat Berhormat daripada mencari pelaburan untuk bersaing semula dengan syarikat-syarikat kita supaya ini akan dapat memperbaiki keadaan ekonomi kita di masa-masa akan datang. Apakah tindakan

yang akan diambil oleh pihak Yang Amat Berhormat untuk mengatasi masalah keghairahan untuk melabur di luar negara sehingga menjejaskan ekonomi negara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita melabur di negara asing, terutama di negara-negara membangun, kerana kita percaya usaha kita untuk memajukan mereka akan menguntungkan kita. Inilah pengalaman kita. Apabila pihak Jepun umpamanya melabur di Malaysia dan mendirikan kilang-kilangnya, maka kita menjadi kaya. Pekerja kita dapat kerja, kita dapat tumpang jual barang kepada syarikat-syarikat ini, dan umumnya negara kita maju kerana direct foreign investment. Bila kita jadi maju, maka kita mampu membeli barangan. Sebab itu hari ini kita beli begitu banyak barang Jepun kerana kita ada duit. Kalau kita tidak ada duit kita tidak boleh beli. Jadi, pelaburan mereka menjadi satu galakan kepada kita sebagai cataylist untuk pembangunan negara kita, dan apabila negara kita menjadi maju kita jadi pasaran yang baik kepada Jepun.

Demikian juga apabila kita melabur di negara-negara membangun di Afrika Selatan ataupun di Asia Tengah, tujuan kita ialah supaya menolong mereka untuk menjadi lebih maju. Apabila mereka menjadi maju barulah mereka dapat membeli barangan kita. Kalau kita pergi awal-awal, kata belilah barang kita, sedangkan mereka tidak ada duit, maka mereka berpendapat bahawa orang Malaysia ini cuma hendak duit kami sahaja, tidak hendak tolong bagi kami ada duit supaya boleh membeli barang. Jadi, cara kita adalah lebih menumpukan kepada usaha pembangunan mereka supaya akhirnya mereka menjadi pasaran yang lebih baik bagi kita dan pada ketika itu kita boleh galak penjualan barangan kita. Hari ini pun mereka sudah menjadi pasaran yang cukup besar bagi barangan-barangan kita. Dalam lawatan saya yang baru-baru ini kita berjaya menjual berjuta-juta Ringgit barangan kita kerana mereka sudah menjadi lebih maju.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin mengemukakan persoalan sebagai soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. *[Ketawa]* Yang itu pun makan masa seminit. *[Ketawa]* Sila.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kerajaan akan mempertingkatkan eksport dan mengurangkan import. Apakah ini tidak akan melembabkan hubungan dagang kita di peringkat antarabangsa?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa berbuat demikian, kerana masalah kita ialah defisit dalam akaun perniagaan kita. Defisit bermakna pembelian kita lebih daripada penjualan kita. Jadi, jawapan kepada defisit ialah kita jual lebih, kita beli kurang. Kita tidak dapat elak daripada berbuat demikian. Tetapi mereka juga harus ingat bahawa mereka menjual lebih banyak kepada kita daripada membeli. Jepun umpamanya menjual terlalu banyak kepada kita sehingga defisit kita dengan Jepun sahaja pada satu ketika ialah sebanyak RM18 bilion.

Jadi, sepatutnyalah kita kurangkan pembelian daripada Jepun dan Jepun tidak boleh marah kepada kita, kerana dia jual begitu banyak kepada kita, apa dia hendak marah pula. Dia sepatutnya kalau kita sama kuat dengan Amerika Syarikat, kita boleh cakap keras sedikit dengan Jepun. Tetapi kita lemah sedikit, jadi kita buat cara ini sahajalah. Kebanyakan daripada negara yang kita akan kurang eksport ini, mereka jual terlalu banyak kepada kita. Kita patutlah jangan beli sangat kereta-kereta mewah supaya kita tidak mengadakan defisit dengan mereka, mereka tidak marah. Mereka cukup baik dengan kita. Yang marah adalah orang lain. *[Ketawa]*

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bolehkah kerajaan memberi penjelasan di atas niat baik kerajaan sekarang ini membantu negara-negara sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, diberikan penghargaan oleh negara-negara barat ataupun oleh media barat. Berapa negara baratkah atau berapa media barat yang menghargai di atas niat suci kita ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat perhitungan berkenaan negara barat yang menghargai tindakan kita ini. Saya bilang beberapa kali dan dapati kosong. *[Ketawa]*

AKTA PROSEDUR JENAYAH (SEKSYEN 117) - JUMLAH YANG DITAHAN DARI 1990-1997

4. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar ramai orang telah ditahan di bawah seksyen 117 Akta Prosedur Jenayah walaupun tidak ada sebab-sebab yang munasabah dan apakah cadangan kerajaan mengenai perkara ini dan nyatakan bagi setiap tahun jumlah orang yang ditahan di bawah Akta tersebut dari 1990-1997 dan berapakah daripada mereka telah dituntut di mahkamah.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan

bahawa ramai ditahan tanpa sebab-sebab yang munasabah di bawah Seksyen 117 Akta Prosedur Jenayah adalah tidak benar. Sebenarnya penahanan di bawah Seksyen 117 Akta Prosedur Jenayah bertujuan melengkapkan penyiasatan polis terhadap seseorang yang ditangkap. Permohonan kebenaran untuk menahan seseorang yang disyaki di bawah peruntukan ini adalah dibuat melalui mahkamah atas alasan-alasan yang munasabah.

Berdasarkan maklumat yang ada iaitu bagi tahun 1995 hingga September 1997, seramai 145,808 orang telah ditahan di bawah Seksyen 117 Akta Prosedur Jenayah. Dari jumlah tersebut seramai 116,151 orang telah dituntut di mahkamah.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya ramai orang yang telah ditangkap disoal-siasat di bawah seksyen 117. Adakah kerajaan bercadang supaya seksyen 117 ini lebih diketatkan kerana seperti yang diketahui sangat senang untuk memperolehi satu order dari mahkamah bila pihak yang berkenaan ingin memperolehi satu order seperti itu?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, yang saya pelek ini adalah Yang Berhormat menyoalkan kredibiliti mahkamah, sebab mahkamah yang meluluskan dan kita bertindak ikut arahan, itu sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah munasabah jikalau orang-orang yang didapati berjudi seperti mahjung atau berlawan ikan lawan, mereka sengaja ditahan oleh pihak polis selama tujuh hari. Ini satu kelakuan jenayah yang simple dan straight forward, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan mengapa pihak polis sengaja salahgunakan kuasa dengan menahan mereka sehingga tujuh hari?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, lawan ikan lawan. *[Ketawa]*

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti dakwaan itu berasaskan tidak. Tetapi setahu saya, pihak Polis Diraja memang menjalankan tugas mengikut undang-undang. Kalau sesuatu kegiatan itu telah jelas melanggar undang-undang sama ada dia straight forward atau tidak straight forward, itulah tugas polis untuk bertindak.

UNDANG-UNDANG SYARIAH - PENYELARASAN DI SELURUH NEGARA

5. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Perdana Menteri menyatakan bentuk penyelarasan undang-undang syariah di seluruh negara sebagai langkah untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dari segi pelaksanaannya.

seluruh negara sebagai langkah untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dari segi pelaksanaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, bentuk penyelarasan undang-undang syariah yang sedang dibuat ialah dengan mengadakan satu model undang-undang yang kemudian dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Majlis Raja-raja bagi meneliti model undang-undang tersebut yang kemudiannya dikemukakan kepada mesyuarat Majlis Raja-raja untuk persetujuan penyelarasan. Dengan persetujuan Majlis Raja-raja, undang-undang tersebut akan diguna pakai, dilaksanakan dan dikuatkuasakan di negeri-negeri dalam bentuk yang seragam.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana bidang undang-undang syariah berkait dengan kerajaan negeri dan Raja-raja, apakah keputusan yang dicapai dalam beberapa persidangan Majlis Raja-raja dan pertemuan dengan pihak Jabatan Agama dan Mufti dalam mengatasi halangan-halangan yang menghalang usaha penyelarasan tersebut?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang pertama undang-undang syariah di negeri-negeri dibincang di peringkat Persekutuan oleh peringkat yang tertinggi. Maka Jawatankuasa Khas itu ialah dengan permintaan mesyuarat Majlis Raja-raja telah dibentuk dan tugasnya ialah membuat satu teks undang-undang untuk diguna pakai di seluruh negeri. Maka dengan itu adalah diharap tidak ada lagi percanggahan dan apabila diterima di peringkat Majlis Raja-raja, tidak ada halangan lagi dalam pelaksanaan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang menjadi masalah sekarang bolehkah pihak kerajaan mengambil kira soal bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Syariah negeri yang mempunyai bidang kuasa yang terhad yang tertakluk kepada criminal jurisdiction yang ada terpakai di peringkat Persekutuan. Bolehkah dalam penyelarasan ini kerajaan mengambil kira sama ada meminda criminal jurisdiction yang mengehendkan bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi memberi lebih kuasa kepada Mahkamah Syariah di peringkat negeri bagi menjatuhkan hukuman-hukuman yang setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Perlembagaan yang ada sekarang bidang kuasa Mahkamah Syariah tidak lagi boleh disentuh oleh Mahkamah Civil. Ertinya, segala keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah akan tetap dijalankan dan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sepertimana yang kita sedia maklum bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah ialah dalam bidang kuasa undang-undang keluarga Islam dan perkara yang bersangkutan dengan orang-orang Islam sahaja.

SAMAN EKOR - BILANGAN DAN KESAN

6. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan 'saman ekor' yang disempurnakan oleh pihak polis sehingga kini. Juga nyatakan bilangan kes yang dapat diselesai dan bagaimanakah kesan tindakan ini ke arah mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, jumlah tindakan saman ekor yang telah diambil oleh pihak polis ke atas pengguna kenderaan yang melanggar undang-undang jalan raya dan jumlah kes yang dapat diselesaikan bagi tahun 1996 hingga September 1997 adalah seperti berikut:-

	Jumlah Saman Ekor	Jumlah Kes Diselesaikan
1996	271,001	72,714
1997 (Jan.-Sept.)	915,319	83,531

Walaupun tindakan ini tidak mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, namun ianya dapat mengurangkan kadar kematian dan cedera parah di jalan raya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mendapat penjelasan tambahan. Mengenai kes ragu saman ekor, ada pihak yang menyebut ada saman ekor yang tidak sampai, tetapi apabila hendak bayar cukai jalan disenaraihitamkan oleh JPJ dan pihak yang berkenaan tidak mampu untuk membayar kerana tidak cukup wang. Di samping itu, ada juga butir-butir yang tidak tepat, misalnya nombor kereta. Tetapi nombor kereta saya yang kena saman ekor betul, orang lain saya tidak pasti. Tetapi ada yang mengatakan bahawa tidak tepat dari segi butir-butir nombor dan sebagainya. Jadi, bagaimanakah bahawa pihak kementerian Yang Berhormat atau pihak Jabatan Polis dapat menyelesaikan kes begini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan juga Ketua Polis Trafik Bukit Aman telah mengadakan perbincangan mengenai masalah yang dibangkitkan oleh orang ramai ini. Pihak Polis Trafik Bukit Aman telah berjanji kalau sekiranya terdapat apa-apa perkara yang diragu-ragukan, mereka sedia untuk menyasat dengan betul, dan kalau sekiranya ada satu kesilapan, mereka sanggup batalkan saman itu. Bagi pihak JPJ kita akan mengumpul lagi maklumat yang lebih kukuh. Kalau ada apa-apa yang kita perlu betulkan kedua-dua kementerian sanggup untuk buat sesuatu.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa ekor daripada tindakan saman ekor ini dijalankan terdapat segelintiran perbuatan pemandu yang tidak bertanggungjawab menggunakan nombor kereta yang berlainan apabila melakukan kesalahan, dan justeru itu, apakah tindakan pihak yang berkuasa untuk mengelakkan supaya orang-orang yang tidak bersalah didakwa dan sebaliknya mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang telah menjalankan pemalsuan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini pihak polis tidak dapat, oleh kerana ada orang yang tidak bertanggungjawab itu kita berhentikan operasi ini. Tetapi memang pihak polis sedar ada orang yang cuba menukar nombor plat ataupun dia cuba tample with the plate supaya susah untuk dibaca. Dalam hal itu, terdapat operasi-operasi khas untuk mengesan mereka yang cuba menukar plat ataupun tample, dengan izin, tample with the plate, dan kalau disabit itu kesalahan yang lebih besar daripada apa-apa kesalahan lalu lintas yang lain.

Saya ingin menegaskan di sini, hasil daripada saman ekor walaupun ramai orang tidak berapa suka hati, tetapi oleh kerana adanya operasi ini telah pun ramai orang terutamanya orang kampung yang selama ini tidak suka pakai topi keledar telah mula pakai, iaitu dapat melindungi nyawa mereka. Niatnya adalah baik, walaupun kadangkala timbul juga masalah setiap masa kita mengamalkan.

PERBEZAAN PENDAPAT PENCERAMAH DENGAN MAJLIS FATWA KEBANGSAAN - HUKUMAN

7. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] minta Perdana Menteri menyatakan adakah penceramah-penceramah agama bebas akan ditangkap dan dikenakan hukuman setiap kali mereka memberi pendapat yang berbeza dari pendapat

Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan (JMFK) yang ditubuhkan oleh kementerian baru-baru ini.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, penceramah-penceramah bebas yang memberi pendapat berbeza dari pendapat Majlis Fatwa Kebangsaan boleh didakwa di mahkamah oleh negeri yang telah mewartakan Fatwa tersebut.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan tambahan tentang penceramah bebas. Terdapat setengah-setengah ketua jabatan sama ada di peringkat daerah ataupun di peringkat Pusat yang mengadakan majlis-majlis ceramah agama di surau-surau dan sebagainya sebagai acara rasmi yang kerap kali menjemput penceramah-penceramah sedemikian dan mereka ini lazimnya menyampaikan pendapat yang bukan sahaja bertentangan dengan pendapat Majlis Fatwa Kebangsaan, tetapi kadangkala digunakan sebagai satu forum untuk mengkritik kerajaan. Jadi, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian tentang perkara ini?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang diputuskan oleh Majlis Fatwa di peringkat negeri kebangsaan yang kemudiannya digezet, kebanyakannya atau keseluruhannya ialah perkara mengenai hukum, tetapi bukan perkara mengenai tafsiran politik. Maka sebab itu, perkara-perkara yang menjadi tafsiran politik kenalah mendapat arahan Majlis Raja-raja untuk difatwa dan digezetkan, barulah orang yang membuat tafsiran yang berbeza boleh dianggap bersalah di bawah undang-undang itu. Tetapi sekiranya mereka membuat tafsiran politik yang bercanggah dengan kerajaan tetapi perkara itu belum difatwakan, maka tindakan undang-undang di mahkamah belum boleh dikenakan.

MENGURANGKAN DEFISIT AKAUN SEMASA NEGARA - USAHA KERAJAAN MEMBANTU PIHAK SWASTA MENINGKATKAN PRODUK EKSPORT

8. Datuk Lim Si Cheng [Senai] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah kerajaan bagi membantu pihak swasta dalam usaha menambah keluaran barangan eksport yang boleh menyumbang kepada pengurangan defisit dalam akaun semasa negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah kerajaan bagi

membantu pihak swasta meningkatkan keluaran barangan eksport merangkumi empat kategori utama;

- (i) pemberian insentif-insentif khusus pada pengusaha-pengusaha eksport seperti berikut:-
 - (a) potongan cukai dua kali bagi mempromosikan eksport. Perbelanjaan tertentu bagi syarikat-syarikat yang bermastautin di Malaysia bagi tujuan mengenal pasti peluang-peluang eksport layak diberi potongan cukai dua kali;
 - (b) pembiayaan semula kredit eksport pada kadar faedah keutamaan;
 - (c) potongan cukai dua kali bagi kredit eksport premium insurans yang dibayar oleh pengeksport pada syarikat insurans yang diluluskan;
 - (d) elaun bangunan industri seperti gudang untuk simpanan barang bagi tujuan eksport. Elaun ini merangkumi elaun permulaan sebanyak 10% dan elaun tahunan sebanyak 2%.
- (ii) Pembangunan sektor industri kecil dan sederhana melalui program-program berikut:-
 - (a) Skim Pembangunan Pemasaran yang bertujuan membantu syarikat IKS menembusi pasaran eksport dan membangunkan kepakaran dalam pasaran eksport. Di bawah skim ini syarikat-syarikat layak menuntut perbelanjaan-perbelanjaan bagi kos pengeluaran barangan promosi untuk publisiti di luar negeri, kos misi perdagangan di luar negeri serta kos penyertaan pameran di luar negeri;
 - (b) Skim Pembangunan Produk dan Rekabentuk yang bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan pembangunan produk-produk tempatan dan rekabentuk di samping meningkatkan teknologi tempatan melalui pembangunan produk-produk yang baru.
- (iii) Program-program promosi eksport melalui MATRADE yang merangkumi;
 - (a) misi galakan perdagangan ke negara-negara membangun seperti Amerika

Latin, Afrika dan Timur Tengah selain daripada pasaran tradisional;

- (b) membantu penyertaan sektor swasta dalam pameran perdagangan yang dianjurkan oleh negara tuan rumah;
 - (c) misi kajian fakta ke negara yang belum diterokai seperti Afrika, Carribean dan Pasifik Selatan;
 - (d) kajian pasaran dan barangan bagi mengenal pasti pasaran yang sesuai;
 - (e) misi-misi pembelian dengan tujuan menemukan pengimport-pengimport luar negara yang berpotensi dengan pembekal-pembekal dan pengeluar di Malaysia.
- (iv) Peningkatan produktiviti khususnya total factor productivity, dengan izin, usaha ini melibatkan peningkatan kemahiran gunatenaga melalui latihan serta pembangunan produk dan proses melalui peningkatan dan perolehan teknologi ke arah sektor pembuatan yang berdaya saing.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang balance of trade, saya ingin meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan kedudukan sebenarnya tentang imbalan dagangan negara kita sehingga masa kini dalam tahun ini?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, merujuk angka-angka yang diperolehi, sehingga bulan Ogos 1997 eksport bernilai RM19,450 juta, import bernilai RM18,295 juta yang memberikan imbalan perdagangan yang positif iaitu sebanyak RM1,154 juta.

Bagi jangka masa Januari hingga Ogos 1997 eksport bernilai RM134,986 juta, import bernilai RM137,436 juta memberikan imbalan perdagangan yang negatif sebanyak RM2,450 juta.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian. Memang betul kita kena menggalakkan eksport supaya kita dapat menseimbangkan defisit negara. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada setengah-setengah negara yang hanya mengeksport barang mereka ke Malaysia, tetapi menutup pintu untuk kita mengeksport ke negara mereka. Contohnya, Australia sendiri, kita mengimport kalau tidak salah saya RM200 juta lebih barang-barang makanan, tetapi untuk kita mengeksport buah-buahan kita

ataupun makanan dari Malaysia mereka memberi berbagai-bagai helah. Jadi, apakah tindakan kementerian - ini negara contohnya Australia, New Zealand. Ada lagi lain-lain negara. Jadi, apakah peranan kementerian untuk memastikan negara-negara ini juga membuka pintu untuk kita mengeksport. Kalau tidak, kita tutup pintu, jangan beri mereka masuk, macam mana Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, dari segi dagangan ini merupakan satu perkara yang bebas. Di dalam Perjanjian WTO maka segala negara akan terpaksa membuka pasaran mereka menjelang tahun 2003. Segala bentuk barrier, tarif yang ditentukan oleh negara-negara asing termasuk juga di Australia dan sebagainya terpaksa dikurangkan dan perdagangan bebas seharusnya dijalankan.

Tetapi dari segi pihak pedagang-pedagang daripada Malaysia ataupun pengeksport-pengeksport Malaysia seharusnya menjalankan kerja dengan lebih kuat lagi untuk memastikan agar sama ada buah-buahan ataupun barangan keluaran daripada negara kita dapat dieksportkan. Jadi, boleh jadi kualiti harus ditingkatkan, harga harus dikemaskini untuk memastikan bahawa barangan kita yang kita keluarkan dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

BUDAYA FITNAH - LANGKAH MENGATASI

9. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengatasi budaya fitnah yang memburukkan imej pemimpin dan kerajaan sehingga boleh menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi negara; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan ISA ke atas para pelaku fitnah ini termasuk ke atas pemilik akhbar dan penulis politik yang sering melontarkan fitnah apabila timbul sesuatu isu di dalam negara.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan belum dapat membendung gejala fitnah kerana sukar untuk mendapat bukti yang kukuh terhadap orang yang memfitnah pihak tertentu. Bagaimana kerajaan akan sentiasa berjaga-jaga terhadap anasir-anasir yang cuba menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi negara. Sekiranya ada yang membabitkan media cetak, peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta Akta Hasutan akan digunakan.

Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ke atas pelaku fitnah, kerana undang-undang yang sedia ada seperti yang tersebut sudah memadai untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala fitnah yang tidak berasas yang berniat jahat timbul di kalangan pemimpin-pemimpin dalam Dewan ini. Ini termasuklah penyoyal soalan tadi, Yang Berhormat dari Bagan Datoh. Kerana Yang Berhormat pernah memfitnahkan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila...

Tuan Tan Kok Wai:membuat tohmahan, sedikit soalan-soalan. Bukankah ini benar?

Tuan Yang di-Pertua: Sila buat soalan tambahan.

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat dari Bagan Datoh pun akan mengakui ini satu perkara yang benar, kerana tohmahan yang dibuat oleh beliau terhadap pemimpin parti pembangkang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila buat pertanyaan.

Tuan Tan Kok Wai:contohnya terhadap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Beliau pun....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam Soal Jawab Mulut tidak boleh ada...

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat dari Bagan Datoh ada mencadangkan supaya kewarganegaraan Yang Berhormat dari Kota Melaka dilucutkan. Ini satu fitnah....

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan itu....

Tuan Tan Kok Wai:...yang sangat serius terhadap seseorang pemimpin yang bertanggungjawab. Maka apakah tindakan kementerian?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak membenarkan soalan itu.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tidak payah jawablah. Tidak payah jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Ini satu perkara yang...

Seorang Ahli: Jelebu!

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Cheras ini tidak faham cakap orang. Duduk! [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat hari ini ada atau tidak akhbar-akhbar yang telah dikenal pasti untuk bakal

digantung ataupun yang telah digantung lesennya yang akan dan telah diambil tindakan bagi tempoh tiga tahun yang lalu, dan kalau ada apakah akhbar-akhbar yang berkenaan, kalau boleh diberitahu dalam Dewan yang mulia ini, dan adakah tindakan-tindakan yang telah diambil itu melibatkan denda dan kes mahkamah dibawa. Kalau ada, nyatakan jumlah. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dalam tiga tahun ini kementerian saya pernah mengenalpastikan beberapa akhbar yang cuba menulis ataupun menerbitkan berita-berita yang tidak benar, dan mereka telah pun diberi amaran. Hasil daripada itu ketua pengarah mereka sentiasa memberi jaminan supaya tidak berulang. Inilah antara langkah yang telah berlaku. Pernah kita telah menggantung permit sebuah akhbar mingguan untuk beberapa bulan. Selepas mereka rayu dan jamin tidak ulang, kita beri balik. Itulah yang dapat saya maklumkan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita semua sedia maklum bahawa undang-undang ISA mempunyai kuasa yang luas merangkumi apa-apa sahaja perbuatan yang boleh mengancam keselamatan negara ataupun apa-apa sahaja yang boleh menjejaskan ataupun sabotaj ekonomi negara. Justeru oleh yang demikian, dewasa ini perbuatan dan gejala buruk ini telah begitu melampau. Soalan saya, setakat ini dalam pengetahuan kementerian, adakah kes-kes yang telah diambil tindakan undang-undang ISA terhadap mereka ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti pernah saya terangkan di sini dalam satu-dua tahun ini ISA digunakan hanya untuk menangkap dan menahan mereka yang terlibat dalam pemalsuan dokumen-dokumen keselamatan. Kita tidak guna ISA untuk kegiatan seperti memfitnah. Kita masih percaya undang-undang yang lain membolehkan kita bertindak terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Yap Pian Hon.

[Soalan No. 10 - Y.B. Dato' Yap Pian Hon(Serdang) tidak hadir]

KTMB-RANCANGAN MENINGKATKAN TARAF PERKHIDMATAN

11. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) apakah rancangan mempertingkatkan taraf perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB); dan

- (b) bilakah kereta api elektrik akan diperkenalkan oleh KTMB untuk perkhidmatan seluruh Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) Rancangan untuk mempertingkatkan taraf perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu adalah seperti berikut:

(i) KTMB telah memperbanyakkan perkhidmatan tren komuter dengan jangka masa larian 10 minit sebuah di sektor Sentul-Port Klang dan 20 minit sebuah di sektor Rawang-Seremban pada waktu puncak.

(ii) landasan berkembar elektrik di antara Kulai-Johor Bahru termasuk lencongan ke Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai akan dilaksanakan. Projek ini akan mengambil masa selama 24 bulan untuk disiapkan dari tarikh kontrak ditandatangani.

(iii) KTMB sedang mengubahsuai koc-koc kelas 3 biasa kepada kelas 3 berhawa dingin untuk mempertingkatkan keselesaan penumpang. Di samping itu, koc-koc kelas satu lama akan diubahsuai untuk dijadikan kelas satu bertempat tidur yang lebih selesa.

(iv) menggantikan bahagian bawah koc (bogie) untuk mengurangkan masalah gegaran koc penumpang.

(v) bekerjasama dengan pihak MAS bagi melatih kakitangan KTMB yang berkaitan dengan aspek layanan pelanggan dan penyediaan makanan dalam koc.

- (b) Oleh kerana program mengadakan perkhidmatan kereta api elektrik bagi seluruh rangkaian KTMB akan memakan perbelanjaan yang besar, maka rancangan ke arah mengadakan perkhidmatan ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Sepertimana kita sedia maklum, program tren komuter berelektrik di Lembah Kelang telah pun siap dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1995 dan akan diikuti dengan pelaksanaan projek landasan berkembar elektrik Kulai-Johor Bahru. Dalam pada itu,

projek landasan berkembar berelektrik dengan menggunakan sistem tren pendular bagi sektor Kuala Lumpur-Ipoh akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun 1998.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Secara umum kita tahu bahawa KTM akan diswastakan. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah rancangan penswastakan ini, dan dalam rancangan penswastakan ini apakah keistimewaan ataupun kemudahan-kemudahan yang akan diberikan kepada pengguna-pengguna ataupun perkhidmatan yang lebih baik yang akan dijanjikan oleh pihak yang menswastakan perkhidmatan KTM?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penswastakan ini telah pun dimulakan pada awal bulan September yang lepas dan sudah tentu banyak kebaikan akan dapat diperolehi oleh penumpang. Oleh kerana baru sebulan sahaja, jadi kita terpaksa menunggu apakah kebaikan-kebaikan ataupun kecekapan yang lebih tinggi lagi yang akan dapat dirasai oleh penumpang-penumpang. Kita menjangka perkhidmatan akan bertambah baik, lebih cekap dan lebih selesa untuk keselesaan orang ramai.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa perkhidmatan KTM di Pantai Timur nampaknya seolah-olah dianaktirikan, kereta api buruk-buruk. Soalannya, apakah pihak kementerian sedar...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Buat sendiri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah pihak kementerian sedar bahawa kereta api ekspres daripada Singapura ke Kota Bharu dan daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu sering mengalami kerosakan di pertengahan jalan. Apakah kementerian sedar, sekiranya sedar, bilakah kerajaan hendak mengatasi atau bilakah kerajaan hendak insaf di atas apa yang telah berlaku itu?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuduhan palsu.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya hendak tanya balik, Ahli Yang Berhormat pernah naik kereta api atau tidak, datang daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur?

Seorang Ahli: Naik Mercedes.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Pernah!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tidak betul itu! Kita sebenarnya, sentiasa memberi perkhidmatan yang baik khususnya di pantai timur.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Walaupun Kelantan dipegang oleh PAS, tetapi Kerajaan Barisan Nasional adil, tahun lepas kita telah mulakan satu perkhidmatan terus daripada Tumpat ke Kuala Lumpur, mungkin Ahli Yang Berhormat tak perasan, kerana tak biasa naik kereta api. *[Ketawa]* Saya hendak tanya pukul berapa kereta api itu mula Yang Berhormat? *{Ketawa}*

Tuan Yang di-Pertua: Dalam koc ada gambar-gambar wrestling juga. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ada gambar wrestling. *[Ketawa]* Itulah bila Yang Berhormat tidak boleh jawab, bermakna dia memang tidak tahu, kita telah perbaiki kerana dia biasa naik kereta besar kan? Jadi, dia mula waktu petang dan tiba di Kuala Lumpur waktu pagi sebelum jam 8.00 pagi dan boleh terus pergi bekerja. Dari Kuala Lumpur juga waktu malam tiba di Kota Bharu sebelum pagi dan boleh juga terus bekerja dan boleh tidur dan tidak ada kemalangan berlaku. Ini menandakan bahawa jarang rosaklah, kalau ada sekali sekala itu memang kita sentiasa ambil perhatian untuk diperbaiki lebih kemas lagi pada masa hadapan. Jadi, tuduhan Ahli Yang Berhormat itu memang tidak kenalah.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

[Soalan No. 12 - Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang) tidak hadir]

PROJEK-PROJEK PENSWASTAAN- MEKANISME PENGAWALSALIAAN DAN PENGENDALIAN

13. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Perdana Menteri menyatakan mekanisme kerajaan untuk mengawalselia pengendalian projek-projek penswastakan supaya ia dijalankan dengan licin, berkesan dan kadar bayaran yang berpatutan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab kerajaan bagi menjaga kepentingan rakyat akan terus kekal walaupun sesuatu projek diswastakan. Malah kerajaan dapat menumpukan

kepada usaha-usaha penguatkuasaan dengan lebih berkesan terhadap perkhidmatan yang diswastakan setelah aktiviti yang bercorak komersial diambil alih oleh pihak swasta.

Kerajaan mempunyai mekanisme khusus termasuk pengwujudan badan kawalselia bagi mengawalselia perkhidmatan yang diswastakan berjalan dengan licin, berkesan dan supaya kepentingan rakyat terpelihara.

Di samping itu, pihak swasta yang mengendalikan perkhidmatan yang diswastakan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan oleh kerajaan bagi menjaga kepentingan negara dan rakyat dari masa ke semasa. Badan-badan kawalselia ini bertanggungjawab bukan sahaja untuk melindungi pengguna termasuk menentukan supaya kadar tarif adalah berpatutan tetapi juga menentukan pembangunan industri yang sihat.

Di samping itu, dalam keadaan tertentu, kerajaan juga akan terus memegang sebahagian daripada ekuiti syarikat yang diswastakan atau memegang saham khas ataupun, dengan izin, golden share.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kadang-kadang kita meluluskan penswastakan di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini dan semasa kita lulus, kita mengenali ekuiti atau pegangan saham dalam syarikat tersebut. Contohnya, Indah Water, tetapi apabila diluluskan dan apabila diswastakan perubahan berlaku di dalam struktur ekuiti di dalam syarikat tersebut.

Saya ingin tahu daripada pihak kementerian sama ada kementerian mengawasi supaya jangan syarikat-syarikat yang diswastakan ini dijual beli kemudian kelak hinggakkan membebaskan rakyat untuk membayar caruman ataupun terpaksa membayar kos yang berlebihan disebabkan ingin keuntungan yang cepat oleh pihak yang menswastakan projek kerajaan ini.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya telah maklumkan dalam Dewan ini semalam bahawa sebarang take over, dengan izin, atau pegangan baru oleh sesuatu badan, badan yang diswastakan ini perlulah mendapat kelulusan pihak kerajaan terlebih dahulu terutamanya oleh FIC. Jadi, kerajaan akan menimbang, permohonan harus dikemukakan kepada kerajaan untuk rakan kongsi baru mengambil alih ekuiti dalam syarikat yang diswastakan oleh kerajaan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah wakil dari persatuan pengguna menduduki sebagai ahli dalam badan-badan kawalselia yang disebutkan tadi dan kalau tidak mengapa?

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memohon menjawab secara bertulis kerana saya tidak ada maklumat tentang wakil-wakil pengguna di dalam badan-badan kawalselia yang telah disebutkan itu, insya-Allah, saya akan beri secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 12 dan 14 hingga 37 dijilid dalam buku berasingan]

USUL

Bencana Jerebu - Pelan Tindakan Mengatasi

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan:-

“**BAHAWA**, Dewan ini memandang berat akan masalah jerebu merentas sempadan yang melanda rantau ini pada masa ini, khususnya betapa serius impaknya ke atas negara dari segi alam sekitar, ekonomi, sosial dan kesihatan rakyat serta ancaman dan gangguan kepada pengangkutan udara dan laut;

MENGAMBIL MAKLUM akan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk menangani masalah ini dan kerjasama yang telah diberikan kepada Indonesia;

MELAHIRKAN penghargaan terhadap tindakbalas yang telah ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa dan organisasi-organisasi pelbagaihal untuk membantu negara-negara di rantau ini yang dilanda bencana alam sekitar yang di luar jangkaan ini.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

MENYOKONG inisiatif yang diambil oleh Indonesia untuk melaksanakan langkah-langkah baikpulih yang lebih

berkesan di negaranya untuk memadam kebakaran hutan dan tanah serta mewujudkan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mencegah berulangnya perkara ini di masa-masa akan datang;

MENYOKONG usaha kerajaan untuk meneruskan apa juga kerjasama yang dapat diberikan kepada Indonesia untuk membantu negara tersebut menangani masalah jerebu masa ini;

MENYOKONG inisiatif kerajaan supaya membawa perkara ini ke peringkat tertinggi kerajaan negara-negara ahli ASEAN untuk segera mengadakan tindakan bersama supaya satu pelan tindakan dan kerjasama dapat dilaksanakan;

MENYOKONG masyarakat antarabangsa dan organisasi pelbagaihal untuk bertindakbalas dengan lebih positif dalam membantu menangani bencana alam ini;

MENGINGATI rakyat supaya berwaspada dan sentiasa mengikuti panduan yang diberikan oleh kerajaan dalam menghadapi masalah jerebu ini dan mengelakkan daripada menceburi aktiviti-aktiviti seperti pembakaran terbuka yang boleh mencemarkan alam sekitar." [7 Oktober 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tuaran. Panjang lagi Yang Berhormat?

3.35 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, tidak panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bercadang hendak memanggil Yang Berhormat Menteri menjawab selepas ini kerana kita telah berbahas perkara ini selama dua hari suntuk. Sila.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Machang dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain ada memberi pandangan bahawa walaupun keadaan jerebu yang melanda negara kita ini disebabkan oleh kegiatan ekonomi sebahagian besar daripada syarikat-syarikat gergasi yang dimiliki oleh rakyat Malaysia di negara Indonesia, tetapi tidak ada tindakan undang-undang yang boleh kita lakukan oleh kerana kegiatan itu dijalankan di negara

asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat malang kalau rakyat Malaysia akibat kegiatan ekonomi beberapa syarikat di Indonesia ini mabuk kerana

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Seorang Ahli: Penjelasan.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tidak!

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya beri kepada dia, hari ini dia tidak beri, tak patut Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Seorang Ahli: Dia tidak kasyi! [Ketawa]

Tuan Yunof Edward Marinking: Lain kali!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kasyilah sekali! [Ketawa]

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakyat Malaysia mabuk kerana asap, tetapi mereka yang menjalankan kegiatan ekonomi itu mabuk kerana wang. Jadi, ini amat malang kalau pihak Kerajaan Malaysia tidak akan dapat melakukan sesuatu terhadap mereka.

Saya tidak tahu sama ada benar atau tidak bahawa undang-undang yang ada pada negara kita ini tidak memberi peruntukan untuk membolehkan kita mengambil tindakan terhadap mereka yang menyebabkan jerebu ini. Tetapi kita harus ingat bahawa mungkin masalah pencemaran terhadap negara kita tidak akan terhad kepada hanya jerebu sahaja, mungkin ada bencana yang lain boleh timbul, misalnya kalau pemilik perkapalan di negara kita membuang sisa-sisa minyak di perairan antarabangsa yang mungkin kemudiannya masuk ke perairan negara kita, namun tidak ada undang-undang yang boleh kita gunapakai memandangkan perbuatan itu berlaku di perairan antarabangsa. Tetapi namun ekonomi dan kehidupan rakyat di negara kita terjejas dan saya rasa itu tidak adil kerana mereka mungkin sengaja berbuat demikian oleh kerana tidak ada tindakan yang boleh diambil.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar mengkaji kemungkinan memasukkan peruntukan di mana bukan sahaja kita dapat mengambil tindakan

terhadap mereka yang menyebabkan pencemaran itu di negara luar tetapi kalau mereka itu berasal dari negara kita, haruslah mereka membayar pampasan bukan sahaja kepada negara tetapi rakyat yang menderita akibat perbuatan mereka itu.

Amat malang kalau mereka yang mengaut keuntungan itu boleh bersenang-lenang kerana keuntungan, tetapi kita bayangkan betapa sukar kehidupan mereka yang tinggal di Sarawak akibat pengisytiharan darurat kerana perbuatan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan juga bahawa sebahagian besar daripada masalah pencemaran udara yang kita alami di negara kita ini terutama di Lembah Kelang adalah akibat daripada perindustrian yang pesat dilakukan dan adalah wajar jika pihak kementerian mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan bahawa perindustrian di negara kita tidak akan menjejaskan kesihatan rakyat dan juga negara, oleh kerana akhirnya kalau ini dibiarkan berterusan, iklim pelaburan kita juga akan terjejas terutama di bidang pelancongan dan kesihatan rakyat juga akan terjejas. Maka adalah amat penting untuk dasar perindustrian negara mengambil kira akibat jerebu ini ataupun pencemaran udara pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kementerian ataupun kerajaan, kalau tidak dapat menangani masalah jerebu ini secara bersendirian untuk mewujudkan satu undang-undang seperti yang telah saya katakan awal tadi, kerajaan haruslah mencari jalan di peringkat antarabangsa ataupun sekurang-kurangnya di peringkat rantau ASEAN bersama-sama dengan rakan kita di dalam negara-negara ASEAN supaya mengadakan undang-undang yang boleh dijalankan melalui reciprocal enforcement, dengan izin, agar tidak ada negara yang akan menderita akibat kegiatan ekonomi di luar negara sendiri.

Dan juga haruslah mewujudkan tabung untuk menangani masalah seperti yang kita alami sekarang ini oleh kerana nampaknya sekarang tidak ada orang yang mahu bertanggungjawab untuk membayar pampasan kehidupan mereka yang terjejas dan memandangkan mungkin Kerajaan Malaysia tidak mahu mengeruhkan hubungan dengan negara-negara jiran kita yang saya fikir memanglah satu perkara yang sangat rumit untuk kita pertimbangkan dan wajar pula kita berhati-hati. Maka adalah lebih baik kalau satu perkongsian pendapat ataupun peraturan yang disusun rapi

terlebih dahulu dan digunapakai bila keadaan memerlukan hendaklah dirunding melalui Kementerian Luar negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung, saya ingin mengatakan bahawa masalah jerebu yang melanda negara kita pada saat ini amat rumit kerana ia mempunyai kesan buruk bukan sahaja terhadap negara kita

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, kami telah banyak mendengar ucapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini menuduhkan bahawa jerebu adalah diakibatkan kebakaran di negara jiran kita dan saya dapati di dalam negara kita ini ada petani-petani yang membakar sawah padi dan juga di negeri Perlis, Perlis Plantation ada membakar kebun tebu selepas mereka menghasilkan tebu dan juga di Sarawak dan Sabah ada juga 'shifting cultivation' iaitu mereka membakar lereng-lereng bukit untuk tanaman padi.

Adakah Ahli Yang Berhormat dari Tuaran juga hendak menyeru kerajaan supaya mengambil tindakan untuk mencegah kebakaran seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan kelmarin bahawa masalah jerebu ini memang timbul daripada pembukaan tanah dan tidak dapat dinafikan bahawa di negara kita juga terlibat dan saya juga semalam telah menyatakan bahawa mengatasi masalah ini amat rumit. Ini oleh kerana kalau kita dengan secara tiba-tiba menghentikan semua kegiatan para petani ataupun pekebun-pekebun kecil kerana ia mengakibatkan jerebu, maka mungkin kehidupan mereka akan terjejas dengan serta merta.

Dan kita mesti mengakui hakikat bahawa masalah di dalam penghidupan manusia ini bukan terhad kepada jerebu sahaja, kita ambil contohlah di Korea Utara di mana tidak ada cukup makanan dan sebenarnya sebahagian daripada Indonesia pada saat ini, Tuan Yang di-Pertua, juga menghadapi kekurangan makanan akibat keadaan kemarau yang panjang.

Jadi, inilah kita harus sama-sama merasa sedih dan tidak terburu-buru menekan pihak kerajaan atau terutama pihak kementerian untuk menguatkuasakan undang-undang atau mengambil tindakan drastik yang mungkin boleh mengatasi satu masalah yang kita hadapi tetapi mungkin akan menimbulkan masalah yang lebih besar kepada negara juga.

Jadi, di sinilah dilema yang ada kepada kita untuk menangani masalah ini. Walaupun demikian, saya telah katakan semalam, bahawa tindakan menyeluruh secara penyelidikan perlu diambil mungkin pembakaran lambat laun boleh kita hentikan tetapi sebelum itu kita perlu juga membuka ladang-ladang atas sebab-sebab keperluan ekonomi negara dan juga kehidupan rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah kita terpaksa membuat perancangan jangka masa panjang misalnya mungkin untuk menggantikan 'shifting cultivation' ini terpaksa kerajaan membuka tanah yang berbentuk sawah padi dan infrastruktur yang sesuai seperti pengairan haruslah diadakan supaya pembakaran secara terbuka itu tidak meluas ataupun berterusan dan di samping itu, pengeluaran makanan di dalam negara kita terutama petani-petani kecil tidak akan terjejas pula. Jadi, itulah satu cara untuk kita mengatasi masalah yang kita hadapi ini.

Tuan Yang di-Pertua, akibat jerebu ini kita mengalami kemerosotan ekonomi seperti Dewan ini dimaklumkan bahawa di Sarawak berbilion-bilion ringgit telah kita kehilangan pendapatan dan kehidupan terutama kesihatan rakyat Malaysia pula terjejas. Dan sementara itu ada pula rakyat kita yang terlibat di dalam kegiatan ini dan inilah yang perlu kita tangani dan saya cukup yakin bahawa pihak kerajaan terutama Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang saya nampak cukup prihatin dan rajin mengambil serius tugasnya dalam hal ini, akan mengambil tindakan yang positif dan mengambil perhatian segala cadangan yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini dan dalam menguatkuasakan perlindungan alam sekitar, janganlah kita terburu-buru tetapi haruslah ada keseimbangan supaya keadaan tidak timbul di mana satu masalah kita dapat atasi tetapi masalah yang lain pula timbul.

Dan sekali lagi saya ingin menyerukan supaya kalau masalah jerebu ini ataupun lain-lain pencemaran yang mungkin timbul, kalau tidak dapat ditangani oleh negara kita sendiri, maka haruslah kita menggunakan kepakaran kita di dalam mengurus diplomatic, relationship ataupun pengaruh diplomatik untuk mengatasi masalah ini dan saya cukup yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mempunyai kebolehan di dalam aspek ini seperti juga lain-lain aspek untuk kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian dan saranan yang demikian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.50 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Tanjong, Bukit Mas, Marang, Machang, Bandau, Batang Lupar, Senai, Kubang Kerian, Kepong, Santubong, Yan dan Tuaran yang telah membahaskan Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia berkaitan dengan episod jerebu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua maklum, masalah jerebu yang melanda negara kita ini adalah berpunca dari kebakaran hutan kawasan-kawasan ladang pertanian dan tanah gambut di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia.

Berhubung dengan pandangan bahawa tindakan yang diambil oleh Kerajaan Indonesia terlalu lembap dan amat tidak berkesan untuk memberhentikan kebakaran, saya ingin meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Indonesia kini sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah kebakaran di Kalimantan dan Sumatera.

Ini jelas dapat kita lihat daripada pengakuan yang dibuat oleh pucuk pimpinan Indonesia, Presiden Suharto sendiri sepertimana dilaporkan dalam akhbar semalam, penglibatan beliau sendiri dalam menggerak dan menghadiri usaha-usaha memadam kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kawasan yang terlibat adalah begitu luas dianggarkan 800,000 hektar, kita seharusnya lebih prihatin terhadap kesulitan yang mereka hadapi ini. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan akan terus menggesa pihak Indonesia supaya menyelesaikan masalah ini dengan kadar seberapa segera yang boleh.

Mengenai cadangan untuk mengawal kualiti udara bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi negara ini, ingin di

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan Indonesia di mana Presiden Suharto ada meminta maaf di mana permohonan minta maaf ada diulang kali yang kedua baru-baru ini, tetapi

bukankah benar bahawa dalam bencana jerebu tahun 1994, Presiden Suharto pun pernah tahun itu dengan secara terbuka meminta maaf tetapi ini tidak mencegah jerebu, bencana yang lebih besar berlaku bagi tahun 1997.

Selain daripada masalah untuk menangani jerebu kali ini, apa usaha atau mekanisme akan diadakan supaya jerebu di tahun akan datang atau kebakaran besar-besaran sama ada di ladang-ladang atau di hutan-hutan Indonesia tentu boleh, dengan izin under control.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu rancangan dalaman iaitu dalam bidang kuasa Kerajaan Indonesia, mengikut maklumat yang kita terima ini adalah jaminan atau penjelasan yang diberi kepada kita. Itulah yang kita boleh buat, tetapi seperti yang telah diterangkan tadi kita akan terus menggesa atau di mana-mana persidangan di mana-mana kita ada peluang, kita akan menyampaikan kebimbangan kita terhadap masalah ini dan saya harap juga melalui segala usaha ini mereka dapat memahami kebimbangan kita atau kekhawatiran kita dan kesan-kesan ke atas kita semua di sini dan saya harap melalui ini kita akan mendapat hasil yang lebih jelas di masa yang akan datang.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa dalam Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN baru-baru ini atau 7th. Asean Ministerial Meeting On Environment yang diadakan di Jakarta pada 16 dan 17 bulan lalu bahawa pihak Indonesia tidak begitu bersetuju mengadakan atau menyentuh mengenai bencana jerebu dalam perisytiharan AMME itu dan sungguhpun selepasnya ada satu bahagian mengenai jerebu tidak begitu kuat.

Adakah untuk memperkuatkan perhatian berat Kerajaan Malaysia adakah cadangan supaya dalam ASEAN Summit dalam bulan Disember di mana semua pemimpin ASEAN akan berkumpul bahawa dalam perisytiharan itu satu bahagian kuat mengenai bencana jerebu dimasukkan dan menjadi satu panduan untuk masa depan supaya tidak berlaku bencana jerebu yang lebih teruk.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Memanglah di masa persidangan AMME yang baru sahaja lepas di Jakarta seperti yang dilaporkan di surat khabar ini sedikit sebanyak adalah benar. Delegasi Malaysia memang dari masa permulaannya kita berusaha untuk menjadikan masalah jerebu ini satu perkara yang penting untuk dibincangkan di mesyuarat itu dan juga diharapkan ini akan dimasukkan dalam deklarasi yang telah disediakan.

Walau bagaimanapun, walaupun kita tidak dapat mencapai apa yang diharapkan oleh kita, tetapi sebahagiannya adalah digubalkan dalam kenyataan itu dan mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat di mesyuarat pucuk pimpinan negara-negara ASEAN yang akan datang pada bulan Disember ini, ini adalah satu cadangan yang baik dan sebenarnya di mesyuarat menteri-menteri baru-baru ini kita telah pun membincangkan perkara ini dan saranan ini juga ditetapkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan pesanan ini disampaikan kepada Presiden Suharto.

Jikalau boleh, satu mesyuarat khas antara ketua-ketua kerajaan diadakan khasnya mengenai masalah jerebu dan juga selepas Usul ini diluluskan oleh Dewan ini kita akan menyampaikan kepada Wisma Putra dan diharap ini akan dimasukkan ke dalam agenda yang akan dibincangkan di mesyuarat pucuk pimpinan ASEAN yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi yang bangun Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Mengenai bencana jerebu, walaupun telah berlaku dahulu tetapi kali ini akibatnya adalah dahsyat dan ini berlaku dalam keadaan ekonomi merosot, ringgit pun jatuh. Adakah pendirian kerajaan bahawa, minta maaf mencukupi, tidakkah kerajaan akan membuat satu kes atas Indonesia di International Court of Justice jika Indonesia tidak mampu untuk memberi pampasan ganti rugi kepada pihak siapa termasuk kerajaan yang ada mengalami kemerosotan?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf mencukupi atau tidak, ini sukar hendak dikatakan. Mereka sebagai pemimpin negara telah menyampaikan maaf, ini adalah satu perkara besar untuk mereka tetapi kita dengan hati terbuka menerima maaf itu dan mengenai perkara ganti rugi, saya akan menyampaikan jawapannya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk mengawal kualiti udara bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang kepada negara ini, ingin dimaklumkan bahawa satu pelan tindakan udara bersih telah dibentangkan kepada Kabinet pada akhir tahun 1994.

Walau bagaimanapun, Kabinet beranggapan bahawa beberapa cadangan dalam pelan tersebut mempunyai implikasi kepada ekonomi dan pembangunan industri di negara ini. Oleh yang demikian, Kabinet bersetuju pelan ini dilaksanakan

secara berperingkat. Keutamaan diberi ke atas kawalan pelepasan asap dan gas dari kenderaan bermotor yang merupakan punca utama yang menyebabkan pencemaran udara di bandar-bandar utama di negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Satu lagi usaha penting dalam mengawal pencemaran udara ialah dengan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran udara. Sehubungan dengan ini, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dipinda, antara lainnya dengan menaikkan denda bagi kesalahan pencemaran udara. Aktiviti pembakaran terbuka dilarang sama sekali. Kesalahan ini akan dibawa terus ke mahkamah tanpa sebarang amaran atau tawaran mengenakan kompaun terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan penubuhan Jawatankuasa Bencana Jerebu Kebangsaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beralih daripada tajuk mengenai usaha untuk menangani masalah pencemaran udara, selain daripada langkah-langkah yang ada disebut, bukankah mustahak bahawa ada satu rancangan tindakan udara yang bersih atau 'clean air action plan' di mana Yang Berhormat Menteri ada kemukakan kepada Kabinet dalam tahun 1994 tetapi ditolak oleh kerana lima orang menteri bantah bahawa sangat costly untuk industri-industri, oleh kerana apa yang berlaku sekarang, kalau masa itu 'clean air action plan' ada diluluskan memang pencemaran udara tidak begitu serius semacam sekarang, sungguhpun 'primary cost' ialah kebakaran hutan dan ladang. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk kemukakan semula 'clean air action plan' itu kepada Jemaah Menteri atau umumkan 'clean air action plan' itu untuk dibincang dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini supaya negara kita ada satu 'clean air action plan' untuk menjamin bahawa rakyat kita dan anak-anak kita memulihkan hak mereka untuk udara yang bersih.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, pelan tindakan udara bersih seperti yang saya terangkan telah dibentangkan kepada Kabinet dan setelah menimbang pelan itu dicadangkan

dilaksanakan dengan berperingkat-peringkat.

Walau bagaimanapun, kementerian saya sentiasa menyemak semula, mengkaji pelan-pelan itu dan kita akan mengemukakan semula kepada Kabinet untuk ditimbang dari masa ke semasa.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa denda untuk membakar terbuka adalah berat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat memandangkan kebakaran terbuka selalunya dijalankan pada waktu malam atau hari kelepasan am dan bagaimana orang ramai boleh melaporkan perkara ini kepada jabatan atau pejabat-pejabat alam sekitar dan mereka tidak bekerja dan ini berlaku sebelum kecemasan jerebu, pada masa sekarang ada hot line, tetapi sebelum jerebu melanda negara kita ini tidak ada hot line.

Tadi, saya pun ada bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran bahawa terdapat kebakaran sawah padi dan juga Perlis Plantation di mana kebun tebu mereka dibakar selepas menghasilkan tebu dan sama ada kerajaan pun akan mengambil tindakan terhadap Perlis Plantation dan juga petani-petani yang suka membakar sawah padi.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Negara kita memang mempunyai beberapa undang-undang yang mengawal pembakaran terbuka dan di bawah undang-undang - Akta Alam Sekeliling 1974 dengan pindaan 1996, berlakunya pembakaran terbuka yang dilakukan di premis-premis trade dan industri. Ini adalah di bawah pindaan akta itu, jikalau disabitkan kesalahan mereka boleh didenda sebanyak RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya. Tetapi, kebakaran terbuka yang berlaku di premis persendirian, ini adalah di bawah undang-undang Akta Tempatan 1974 seksyen 82(5). Di bawah seksyen itu, sesiapa yang disabitkan kesalahan mereka boleh didenda sebanyak RM1,000 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya.

Dan juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mungkin kerajaan akan mengkaji semula tentang perkara ini dan mungkin nampak adalah rendah sedikit dan juga di negeri lain seumpamanya di negeri Sarawak yang juga di bawah akta NRE ini, ia pun ada satu seksyen yang mengatakan kebakaran terbuka pun boleh dikenakan denda di bawah seksyen itu.

Dan semua ketiga-tiga bidang ini kita akan selaraskan bagaimana pengurusan hot line ini yang boleh memudahkan pihak yang ingin membuat laporan mengenai kebakaran terbuka ke nombor-nombor yang tertentu, tetapi saya tidak ada nombor di sini, umpamanya di kementerian saya nombornya ialah 8003434 dan lain-lain untuk kerajaan tempatan dan kerajaan negeri, kita akan menyelaraskan nombornya untuk memudahkan orang ramai membuat laporan mengenai kebakaran terbuka.

Mengenai kebakaran terbuka di sawah padi dan sebagainya, ini memang berlaku, oleh kerana mereka sehingga sekarang mereka tidak mempunyai cara yang lain untuk mengatasi masalah itu. Ini pun dalam perhatian kerajaan dan kerajaan sedang membuat kajian bagaimana buangan-buangan dari sawah padi ini boleh dibuang dengan cara yang lebih berkesan dengan lebih bersih lagi dan mengenai satu tanaman berpindah-pindah, ini adalah satu tradisi. Kita akan berusaha melalui satu kepimpinan kerana ini adalah satu perkara yang dianggap sensitif di Sarawak atau di Sabah dan kita memang melalui pemimpin-pemimpin masyarakat untuk mengajar atau melalui pendidikan dan kesedaran terhadap cara ini oleh kerana sekarang dengan perkembangan yang begitu besar, mungkin cara ini tidak sesuai untuk masa sekarang, tetapi ini memerlukan masa untuk kita mengatasi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan penubuhan Jawatankuasa Bencana Jerebu Kebangsaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tuan R. Karpal Singh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa Kerajaan Malaysia tidak ambil berat mengenai masalah jerebu ini. Contohnya, Usul dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dibentangkan oleh Timbalannya, jawapan dari satu menteri dan ketua bagi Disaster Committee, Yang Berhormat Menteri Penerangan, dia pun tidak ada di sini. Apabila jerebu dengan dahsyatnya berlaku dalam negara ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keluar dari negeri pergi ke Cuba - Fidel Castro, nasib baik dia tidak ada merokok cerut itu dan juga kalau tidak [Ketawa] dalam muka dia pun ada jerebu.

Bagi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, pengecut ini hilang, hilang dengan keluarganya ...

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tanya, tidak ambil berat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan bahawa perkataan 'pengecut' tidak boleh digunakan Yang Berhormat, unparliamentary.

Seorang Ahli: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: All-right, penakut! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kedua-dua ini sama juga Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ha, sama?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak boleh digunakan!

Tuan R. Karpal Singh: All-right, seorang yang tak berapa berani. [Ketawa]

Bagi saya, lebih baik seorang Ketua Menteri meninggal dunia, jangan meninggalkan negeri apabila darurat diisytiharkan. Adakah itu ambil berat dan Yang Berhormat dari Batang Lupar, dia ada mempertahankan Ketua Menteri itu, yang tak berapa berani kelmarin, menyatakan DAP bohong bahawa keluarga Ketua Menteri tidak mengikuti dia meninggalkan negara ini. Tetapi laporan ada dalam *New Straits Times* di mana ada dinyatakan bahawa Menteri ini ada keluar dari negeri dengan keluarganya, tidak ada apa-apa correction dalam *New Straits Times*. Adakah benar, Ketua Menteri ini meninggalkan negeri bukan untuk mendapat satu solusi bagi isu jerebu ini bukan satu SOS call, tetapi satu perkara di mana dia takut jika ada di sini dengan keluarga, boleh meninggal dunia, oleh itu keluar dari negeri, adakah itu benar? Adakah benar kerajaan tidak ambil berat atas sebab-sebab yang saya telah nyatakan tadi?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya memang menafikan dengan sekeras-kerasnya dakwaan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, ini tidak patut dikatakan kerajaan tidak mengambil perhatian berat terhadap jerebu ini.

Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat sudah berapa malam saya tidak cukup tidur, minum pun tidak sedap rasanya. *[Ketawa]* Semua pemimpin mengambil berat, sampai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Ketua Menteri selalu menghubungi saya, memberi arahan kepada saya sebagai menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ini dengan sejelas-jelasnya mengambil segala tindakan yang boleh sampai ke tahap membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menghantar pasukan bomba ke Indonesia, membeli alat-alat pam air mudah alih dan sebagainya. Ini telah cukup membuktikan kerajaan memang mengambil tindakan dan perhatian yang serius. Dan juga semua perbelanjaan ini adalah di luar jangkaan. Walau bagaimanapun, untuk keselamatan dan kesihatan rakyat, kerajaan tidak sayang untuk membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk melindungi kesihatan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya mahu penjelasan sebab apa Ketua Menteri Sarawak lari dari negara ini dan dia pergi ke mana untuk mendapat bantuan, bantuan apa dan sebagainya.

Datuk Law Hieng Ding: Saya akan jawab bila sampai masanya. Belum sampai lagi, tunggu ya, sabar dahulu!

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan penubuhan Jawatankuasa Bencana Jerebu Kebangsaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kini sudah ada satu Jawatankuasa Kebangsaan Jerebu yang saya sendiri pengerusikan.

Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara pula dikerahkan apabila jerebu meningkat ke tahap berbahaya memandangkan pada tahap ini adalah penting semua jentera kerajaan digembleng untuk menangani masalah tersebut. Memandangkan ini adalah kali pertama negara menghadapi masalah jerebu sebegini teruk, kita akan mengkaji semula struktur jawatankuasa-jawatankuasa yang ada kini bagi menguatkan lagi fungsi dan keberkesanan tindakan yang akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rungutan-rungutan

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan mengenai National Haze Disaster Committee itu, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa supaya satu jentera sama ada Jawatankuasa Bencana Kebangsaan atau Jawatankuasa Jerebu yang diketuai

oleh Yang Berhormat Menteri satu prasyarat ialah bahawa dipimpin, dianggotai oleh mereka yang boleh dapat kepercayaan orang ramai dan bukannya benar bahawa National Disaster Relief and Management Committee, pengerusinya tidak ada kredibiliti langsung dan sebagai satu contoh, apabila berlaku bencana jerebu yang sangat teruk, beliau mengumumkan bahawa apabila API atau IPU sampai lebih daripada 101, semua perokok patut berhenti, pertama, dia sendiri tidak berhenti, dia terus merokok. Kedua, adakah ini serius, adakah kerajaan serius bahawa mana-mana tempat apabila IPU 101 - stop smoking. Adakah ini dilaksanakan baik oleh National Disaster Relief Committee atau oleh National Haze Committee atau ini tidak serius, lagi satu contoh bahawa sikap menangani bencana ini main-main sahaja. Adakah 101 melaksanakan no smoking dalam kawasan itu?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Memang kerajaan mempunyai keyakinan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara dan beliau telah memainkan peranan yang kita boleh lihat dan beliau adalah dengan sedaya upayanya memainkan peranan yang penting juga dalam menangani jerebu ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bila IPU 101 adakah no smoking?

Datuk Law Hieng Ding: Ini satu nasihat atau sukarela, satu nasihat kepada orang ramai, saya berulang kali saya menyatakan, ini bukan mandatori, ini hanya sukarela dan kalau mereka tidak menyayangi nyawa mereka itu terpulanglah kepada mereka dan siapa yang hendak merokok, merokoklah. *[Ketawa]* Ini nasihat sahaja, bukan mandatori.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah tanggungjawab seorang Pengerusi National Disaster Relief dan Management Committee apabila buat nasihat itu, sendiri buat contoh, stop smoking beliau sendiri. Adakah Yang Berhormat Menteri akan menasihatkan beliau untuk berhenti merokok sebagai satu teladan untuk rakyat negara bahawa kita serius dalam menangani bencana atau ini pun terpulang kepada Yang Berhormat Pengerusi untuk National Disaster Relief Committee, dan kalau begitu bukannya lebih baik dia letak jawatan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, dia lebih matang dari saya, pengerusinya, dia lebih dewasa, lebih senior dari saya. Kebudayaan kita

bukan untuk yang muda mengajar orang tua. Dia lebih memahami apa yang patut dibuat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, ada dua orang peminat di sini. Jelutong dan Jelebu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Kalau kita lihat apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, bermakna menyarankan adakah kementerian ataupun menteri akan menasihatkan Menteri Penerangan khususnya untuk berhenti merokok apabila berlakunya jerebu, bukan Jelebu ya, jerebu. *[Ketawa]* Dan kalau begitu pandangan ataupun pemikiran Ketua Pembangkang, apakah apabila berlakunya jerebu, kesemua kilang-kilang kena tutup, kereta tidak payah berjalan dan sebagainya, orang di kampung pun tak payah memasak, kerana segalanya menimbulkan asap dan juga menimbulkan pencemaran. Apakah itu maksudnya? Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Ya, ini terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat, dia lebih memahami apa yang dimaksudkannya dan itulah jawapan saya di sini.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Datuk Law Hieng Ding: Ada lagi?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar baru-baru ini di Persidangan UMNO, Pengerusi National Disaster Committee ini ada dikritik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila dia merokok, adakah itu terjadi? Dan adakah dia mengikut nasihat yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepadanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini bersabit dengan urusan kepartian, tidak ada kena mengena dengan isu ini Yang Berhormat.

Datuk Law Hieng Ding: Ya, saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Adakah itu Menteri Penerangan atau Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik? Saya mahu dapat tahu siapa dia, saya pun tak berapa tahu, di antara kedua ini siapa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah katakan tadi, ini tidak ada kena mengena.

Datuk Law Hieng Ding: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dan lagi pun itu bukan bersabit dengan Kabinet.

Datuk Law Hieng Ding: Itupun di luar bidang kuasa sayalah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rungutan-rungutan bahawa indeks pencemaran udara IPU tidak memberi gambaran sebenar kualiti udara, ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa indeks pencemaran udara adalah satu indikator tahap kualiti udara yang dirumuskan berdasarkan penilaian saintifik untuk memberi satu gambaran yang mudah difahami oleh orang awam tentang tahap pencemaran udara dan kesannya kepada kesihatan.

Ianya adalah satu kaedah yang menukar tahap konsentrasi pencemaran yang diukur di udara kepada satu skala indeks yang dikaitkan dengan tahap kesan kepada kesihatan. IPU yang digunakan ini adalah setaraf dengan Pollutant Standard Index (PSI), dengan izin, yang digunakan oleh United States Environmental Protection Agency.

IPU tidak seharusnya dibandingkan dengan tahap pengelihatan atau feasibility. Umpamanya, jika ada sedikit hujan, wap air yang terkandung dalam udara akan membuat kelihatan menjadi lebih kabur dan ini tidak bermakna kualiti udara seperti kandungan habuk yang digambarkan oleh IPU merosot.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan bahawa Kerajaan Malaysia harus menuntut ganti rugi daripada Kerajaan Indonesia

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datuk Law Hieng Ding: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah mustahak supaya rakyat lebih faham mengenai bahaya pencemaran udara bahawa ada lebih transparency mengenai IPU, khasnya bukan sahaja mengenai

indeks IPU tetapi mengenai indeks setiap pencemar dengan lima pollutant yang menjadi bundle pollutant di dalam IPU bahawa sungguhpun nampaknya baru-baru ini apa yang diumumkan lebih daripada dahulu, ada disebut apa pencemar yang utama the main pollutant, tetapi bukannya yang perlu ialah lebih butiran mengenai setiap pollutant dan kalau kita mahu ikut contoh-contoh di negara yang lain, sulfur dioksida, sama ada 450 microgram per cubic metre untuk satu jam average concentration dan nitrogen dioksida sama ada 400 microgram per cubic metre satu jam average concentration ada sebut angka-angka supaya rakyat pun tahu bahawa sama ada standard setiap pencemar itu sampai tahap bahaya dan betapa bahaya. Bukankah lebih butiran, lebih transparency, bolehkah ini ditimbang supaya IPU kita boleh memberi maklumat yang lebih tepat dan lebih timely.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang mempunyai alat-alat IPU ini ialah di antara negara-negara yang termaju sekali, bukan semua negara yang mampu mempunyai alat-alat ini. Kita bernasib baik kali ini kerana kita dapat mengadakan IPU ini, ini telah banyak menolong dalam usaha kita menangani masalah jerebu ini.

IPU ini seperti kita mengetahui mengandungi lima parameter yang kita gunakan, seperti yang kita fahami iaitu nitrogen dioksida, sulfur dioksida, karbon monoksida, ozon dan zarah terampai. Memang kita mempunyai butir-butir apa kandungannya di IPU dan hanya untuk maklumat orang ramai, kita tidak sebutkan secara terperinci apa kandungan dalam IPU, jikalau untuk orang-orang yang tertentu, yang ingin mengetahui lebih lanjut apa kandungan dalamnya, untuk tujuan yang tertentu, mereka boleh mendapatnya mengikut arrangement atau diatur dengan Syarikat ASMA dan melalui Jabatan Alam Sekitar. Dan oleh kerana kita tidak mengumumkan NO₂, SO₂, CO dan O₃ dan PM₁₀ atau di bawah oleh kerana semuanya adalah kecuali zarah terampai adalah melebihi standard yang ditetapkan oleh EPA atau WHO dan lain-lainnya semua di bawah, masih rendah dan di bawah standard yang ditetapkan oleh WHO. Oleh sebab itu, kita tidak perlu mengumumkan atau tidak mengelirukan orang ramai yang membaca indeks itu.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri kata bahawa kita ada alat-alat IPU yang termaju dalam dunia, itu baik. Tetapi kalau negara yang lain, yang tidak ada alat yang termaju boleh memberi maklumat yang terperinci khasnya mengenai

pencemar utama yang serius mengakibatkan pencemaran udara, kenapa kita tidak boleh memberi maklumat semacam di negara-negara yang tidak ada alat IPU yang begitu maju apabila dibandingkan dengan kita, tidak guna ada alat IPU yang maju kalau kita tidak beri maklumat kepada orang ramai. Bolehkah kementerian menimbang perkara ini supaya main pollutant setiap hari standard concentration itu diumumkan.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah tujuan yang terakhir Jabatan Alam Sekitar untuk mengumpul maklumat untuk dikaji dan membolehkan Jabatan Alam Sekitar mengambil tindakan yang berikutnya. Jikalau perlu kita akan menimbang apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan bahawa Kerajaan Malaysia harus menuntut ganti rugi daripada Kerajaan Indonesia, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kita masih menumpukan sepenuh perhatian kepada perkara-perkara utama mengenai jerebu. Kerugian yang ditanggung oleh rakyat dan negara sepanjang tempoh jerebu dalam hal-hal ekonomi, pertanian, sosial, kesihatan dan alam sekitar belum dapat dipastikan lagi.

Kerugian sebenar agak sukar ditentukan. Walau bagaimanapun, data-data sedang dikumpul oleh semua agensi masing-masing. Buat masa ini kerajaan tidak berhasrat membuat sebarang tuntutan ganti rugi. Pasukan-pasukan petugas di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Jerebu masih meneruskan kajian-kajian untuk menentukan kesan jerebu kepada manusia, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.. Penyelidik-penyelidik....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah kos untuk menghantarkan petugas-petugas atau kakitangan-kakitangan daripada Jabatan Bomba untuk memadamkan api di hutan rimba di Kalimantan dan Sumatera ditanggung oleh pihak Malaysia ataupun Indonesia dan apakah kosnya setiap hari dan apakah sebabnya kalau ianya ditanggung oleh Malaysia, Malaysia tidak meminta Indonesia membayar kerana hutan rimba ini berasal dari Indonesia dan kita menolong Indonesia memadamkan api di sana?

Datuk Law Hieng Ding: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat,

kos kita menghantar pasukan bomba ke Indonesia adalah ditanggung oleh Malaysia sendiri dan kos sebenarnya kita masih dalam mengumpul butir-butirnya yang akan diketahui selepas diselesaikan tugasnya di Indonesia.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tahu apakah gaji yang dibayar oleh Kerajaan Malaysia ke atas kakitangan bomba ini yang sekarang berkhidmat bagi pihak negara untuk memadamkan api di Kalimantan dan Sumatera dan saya bertanya soalan ini kerana saya amat tidak berpuas hati bahawa, yang pertama, Kerajaan Malaysia tidak menuntut ganti rugi daripada Indonesia kerana saya rasa adalah tidak betul bahawa pihak yang salah tidak menanggung atau tidak diwajibkan untuk menanggung hukuman daripada kesalahan mereka.

Yang kedua, adalah lebih penting lagi ialah kemungkinan pemergian anggota-anggota bomba ke Kalimantan dan Sumatera telah mengakibatkan kesusahan kepada ahli keluarga mereka. Saya menimbulkan perkara ini kerana dalam surat khabar *The Star* muka surat pertama ada dipaparkan yang menyatakan di dalam headline, dengan izin "*Families face tough time*" [menunjukkan surat khabar berkenaan] di mana di sini adalah dinyatakan kerana ahli petugas bomba pergi ke Sumatera dan Kalimantan untuk cuba memadamkan api, ahli keluarga mereka tidak ada wang untuk menanggung kehidupan harian mereka, sehingga membeli susu tepung pun tidak ada wang dan di sini adalah satu perkara yang amat teruk sekali. Kes Puan Siti Maimunah Dol Karim, isteri kepada Rani Md. Hanafiah, 36 tahun - seorang pegawai Jabatan Bomba daripada 1,236 orang anggota bomba yang dihantarkan ke Sumatera. Tidak cukup wang, terpaksa gunakan simpanan anak-anaknya, simpanan anak-anaknya untuk menanggung kehidupan harian. Yang kedua, terpaksa meminjam daripada jiran, ketiga terpaksa menggunakan tabung kebajikan daripada Jabatan Bomba tetapi semua ini tidak cukup untuk membiayai perbelanjaan pendidikan dan yang teruk sekali susu tepung.

Tuan Yang di-Pertua, bak kata pepatah Melayu, kalau kita melihat keadaan seperti ini, "Kera di hutan disusui, anak (bayi) sekarang ini dalam buaian dalam rumah, dalam buaian hampir-hampir mati kelaparan" kerana tidak cukup susu tepung.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cuba hendak maklumkan Majlis ini atau Yang Berhormat hendak soal?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya hendak minta sama ada Yang Berhormat - saya tahu, ya. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri sedar tentang masalah keluarga yang tertinggal di mana nampaknya kerajaan tidak menjagajai kebajikan mereka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Nampaknya Jabatan Kewangan, harap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat cuba hendak bangkitkan perkara ini, saya tidak nampak sebarang hubungkaitnya secara langsung dengan bidang kuasa menteri yang berkenaan sebab ini bomba, walaupun ahli bomba yang terlibat. Lagi pun saya tidak nampak soalan yang cuba hendak dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Apa soalnya?

Tuan Lim Guan Eng: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya meminta Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar tentang masalah yang dihadapi oleh keluarga anggota bomba dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memanjangkan masalah yang mereka hadapi kerana Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah gagal dalam tanggungjawabnya untuk memastikan kebajikan mereka tidak ada di sini, tidak layak jadi menteri lebih baik letak jawatan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang saya rasa, saya percaya bila Yang Berhormat Menteri bercakap bahawa beliau setiap hari bekerja rajin untuk berusaha menyelesaikan masalah ini. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri bekerja rajin dalam perkara ini tetapi untuk satu orang sahaja bekerja rajin tidak cukup. Bolehkah dipanjangkan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya masalah keluarga kakitangan diatasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat, soalan yang dikemukakan itu....

Dato' Abu Bakar bin Daud: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap, saya meminta jasa baik Tuan Yang di-Pertua kerana ini satu perkara penting di mana

dia cakap tidak ada cukup wang untuk membeli susu tepung.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Itu satu perkara penting....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu Yang Berhormat

Tuan Lim Guan Eng: Bila saya membaca laporan ini, saya amat simpati..... [*Tuan Yang di-Pertua memamatkan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, nanti dulu Yang Berhormat, perasaan simpati dan sebagainya itu saya faham Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat sebagai seorang ahli yang sekian lama berkhidmat di sini, takkan Yang Berhormat tidak mengerti Peraturan Mesyuarat dan lagi pun.....

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat, kalau hendak bangkitkan ini, ada banyak peluang lagi dan ini pun saya tidak nampak Yang Berhormat hendak kemukakan soalan kepada menteri yang bertanggungjawab. Cuma Yang Berhormat hendak bangkitkan ataupun hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini, setakat itu sahaja Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya belum habiskan penjelasan saya, saya hendak menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ha, itulah dia!

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri penjelasan, bukan hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua kalau boleh saya meminta bahawa Yang Berhormat

Menteri menggunakan jasa baik untuk mengatasi masalah ini kerana ini adalah penting. Saya sebagai wakil rakyat saya rasa itu adalah tanggungjawab saya membangkitkan perkara ini. Kalau tidak sesuai pada tempatnya saya rasa Yang Berhormat Menteri faham hasrat saya. Ini secara jujur dan ikhlas, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Tuan Lim Guan Eng: Ini secara jujur.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu sudah dilafazkan Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: kerana ini tanggungjawab semua Ahli Parlimen..... [*Tuan Yang di-Pertua memamatkan pembesar suara*].

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu Yang Berhormat

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kalau Tuan Yang di-Pertua sudah beri satu peraturan, Ahli Yang Berhormat kena akur....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan dan Yang Berhormat Menteri teruskan.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar perkara ini. Kerajaan telah mengambil tindakan. Kita melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Jabatan Kebajikan untuk menjaga kepentingan rumah tangganya yang tinggal di negara kita ini dan boleh saya katakan semua jemaah menteri adalah bersama-sama saya, bersama kerja rajin, bukan saya seorang sahaja, semua kita kerja rajin, keseluruhan kabinet, bukan saya seorang, semua orang kerja rajin.

Tuan Yang di-Pertua, memang kepentingan kesihatan orang ramai atau pasukan.....

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Datuk Law Hieng Ding: Belum, saya belum habis.

Tuan R. Karpal Singh: Alright.

Datuk Law Hieng Ding: Pasukan bomba yang sedang berkhidmat di Sumatera atau lain tempat,

memang kerajaan ada mempunyai rancangan untuk menukar-nukarkan mereka, kita akan mengambil balik beberapa orang darinya dan diganti dengan beberapa anggota yang baru. Ini semua kita telah bincang dengan jemaah menteri dan telah diaturkan dengan sempurnanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Saya hairan kenapa Kerajaan Malaysia tidak menuntut ganti rugi daripada Kerajaan Indonesia. Dalam awal tahun 60-an, satu pengisytiharan perang ke atas Malaysia oleh Indonesia, sekarang jerebu, ini lebih dahsyat daripada perang. Adakah kerajaan takut kepada Indonesia, tidak berani untuk menuntut apa yang harus dituntut?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sebagai peguam memang lebih memahami ini bukan begitu senang dan juga ini adalah sesuatu yang kita anggap sebagai satu bencana yang luar biasa dan tidak boleh buat apa-apa. Kita memahami dan selalu kita sangat bersimpati ke atas kejadian ini, oleh sebab itu kita tidak akan membuat apa-apa tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, pasukan-pasukan.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong, bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri kata ini adalah satu bencana luar jangkaan tetapi bukankah ini satu bencana man made? Bukan satu natural disaster tetapi satu man made disaster dan sebab itu man made disaster perlulah tanggungjawab dipikul khasnya oleh kerajaan dan Indonesia. Dan Yang Berhormat Menteri kata bahawa pada saat ini kerajaan tidak bercadang untuk menuntut ganti rugi tetapi adakah kerajaan rela mengadakan satu pasukan khas untuk buat satu costing mengenai kerugian yang dialami oleh Malaysia, sama ada ekonomi, environment, kesihatan, pelancongan.

Di Sarawak, Yang Berhormat Menteri ada kata dalam masa darurat satu hari kerugian RM100 juta, sepuluh hari RM1 bilion dan ini bererti berbilion-bilion ringgit kerugian, adakah kerajaan rela untuk buat satu costing dan di akhir jerebu buat satu keputusan untuk meminta ganti rugi khasnya oleh kerana ini pun hasrat rakyat jelata. Semacam IPU ada hourly up-date, kita pun ada hourly up-date mengenai kempen tandatangani untuk anti-haze

termasuk untuk meminta ganti rugi bagi dua belas press conference kita umumkan 29,000 sekarang sudah lebih daripada 30,000 signatures dalam satu minggu menunjukkan hasrat rakyat yang mahu ganti rugi dituntut supaya menjadi satu lesson kepada Kerajaan Indonesia di masa depan lebih bertanggungjawab. Bolehkah kerajaan menganggap ini dengan serius dan kalau inilah hasrat rakyat mengikot hasrat rakyat dan menuntut ganti rugi?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan, ini bukan hasrat kerajaan untuk membuat sebarang, saya ulangi, sebarang tuntutan ganti rugi. Ini adalah pendirian kerajaan. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti kerajaan tidak akan membuat implikasi dan kos akibat dari jerebu ini. Kerajaan akan terus mengumpulkan semua maklumat akibat dari jerebu ini untuk kajian atau maklumat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pasukan penyelidik sedang mengkaji data-data jerebu yang baru diperolehi.....

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Datuk Law Hieng Ding:dan dijangka akan mengemukakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Datuk Law Hieng Ding:hasil kajian kepada Jawatankuasa Kebangsaan apabila selesainya nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teluk Intan bangun.

Datuk Law Hieng Ding: Cukuplah, saya fikir ini samalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Okay, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Law Hieng Ding: Kalau ada apa-apa nanti, saya buka untuk bertanya ya. Dalam perkara ini pengawasan kualiti udara telah dapat dijalankan dengan lebih sistematik, maka kita telah dapat mengumpul data-data kualiti udara termasuklah habuk dan gas-gas pencemar seperti sulfur dioksida, nitrogen dioksida, karbon monoksida dan ozon. Data-data ini kelak boleh digunapakai untuk kajian-kajian kesan itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bayaran yang dikenakan oleh ASMA, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa ASMA adalah sebuah syarikat swasta yang memberi perkhidmatan data

kualiti udara. Dalam hal ini, kerajaan telah memperolehi data tertentu daripada syarikat berkenaan untuk disebar kepada orang ramai secara percuma supaya orang ramai dapat mengambil tindakan sewajarnya bagi melindungi diri dari sesuatu keadaan kualiti negara. Apabila orang awam tidak puas hati dengan maklumat yang disediakan oleh kerajaan ini, mereka boleh berhubung terus dengan ASMA untuk mendapat data yang mereka kehendaki dan sebagai sebuah syarikat swasta sudah tentulah khidmat ini akan dikenakan bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah pun memberi penjelasan kenapa beliau harus meninggalkan Sarawak. Sebagai seorang pemimpin yang berpengalaman dan matang yang telah membawa banyak kebaikan kepada negeri Sarawak, saya percaya penjelasan beliau harus diterima dan perkara ini tidak dipertikaikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai stesen-stesen kualiti udara adalah tidak praktik diwujudkan stesen-stesen kualiti udara bagi setiap kawasan, daerah dan sebagainya. Stesen-stesen dipilih untuk memberi gambaran yang representative untuk satu kawasan tertentu dengan mengambil kira punca-punca pencemaran bagi kawasan setempat. Sememangnya bilangan stesen-stesen ini belum mencukupi, oleh yang demikian, kerajaan bercadang menambahkan stesen-stesen tersebut supaya pengawasan kualiti negara adalah lebih menyeluruh dan berkesan.

Mengenai dakwaan percanggahan kenyataan saya dengan kenyataan pegawai Jabatan Perkhidmatan Kajiucua di akhbar *The Star* yang bertajuk '*The Worst is Over*', sebenarnya tidak ada percanggahan maklumat. '*The Worst is Over*' iaitu tajuk dalam *The Star* ialah tajuk yang digubah oleh pihak surat khabar itu sendiri. Isi kandungan di akhbar *The New Straits Times* dan *The Star* memberi ramalan yang sama iaitu kemungkinan jerebu kembali bergantung kepada perubahan angin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya diadakan garis panduan kepada tindakan-tindakan sebelum dan selepas pengumuman bencana seperti mengelakkan penggunaan perkataan yang boleh menyebabkan orang ramai cemas, ini adalah cadangan yang baik dan membina. Perkara ini akan saya beri perhatian dan pertimbangan sewajarnya.

Dengan pandangan agar SUKOM tidak terjejas oleh jerebu, sukacita saya memaklumkan kerajaan memang sedar tentang kerugian ekonomi dan imej

negatif kepada negara jika SUKOM tidak dapat berjalan lancar oleh kerana jerebu. Satu pelan kerjasama bagi mengawal pencemaran dengan pihak Indonesia telah pun dirumuskan. Adalah diharapkan agar dengan adanya pelan ini SUKOM dapat berjalan dengan sempurna tanpa gangguan jerebu.

Tentang persoalan apakah tindakan negara untuk memastikan ketetapan Persidangan Kemuncak Bumi dilaksanakan, ingin dimaklumkan bahawa Malaysia adalah di antara segolongan kecil negara-negara membangun yang sedang dan sedang terus mengambil langkah-langkah sepertimana ketetapan persidangan tersebut.

Akan cadangan untuk menubuhkan tabung penyelidikan bagi meningkatkan produktiviti pertanian dan pada masa yang sama tidak menjejaskan alam sekitar, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, kementerian sememangnya sudah mempunyai tabung penyelidikan yang boleh digunapakai untuk tujuan ini.

Mengenai cadangan diadakan undang-undang antarabangsa untuk mengawal pencemaran merentasi sempadan pula, sebenarnya kerajaan telah mencadangkan pada mesyuarat ASOEN di Cebu, Filipina baru-baru ini untuk mewujudkan satu memorandum persefahaman sebagai langkah permulaan ke arah mewujudkan satu perjanjian serantau bagi mengawal pencemaran yang merentas sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada semua rakyat Malaysia terutamanya badan-badan bukan kerajaan, sektor korporat dan media massa untuk bersatu dalam membantu kerajaan memperbentukkan tanggapan masyarakat luar tentang Malaysia.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas pandangan dan cadangan

Tuan Lim Kit Siang: Menteri pun sudah sampai peringkat akhir. Apa yang rakyat sekarang ingin tahu ialah bolehkah kerajaan buat satu jaminan bahawa jerebu tahun 1997 ialah menjadi 'last worst haze', bahawa tidak akan berlaku lagi jerebu di masa depan sama ada 1998, 1999 atau 2000 jerebu yang lebih teruk daripada jerebu 1997 semacam jerebu ini lebih teruk daripada 1994 haze dan 1994 haze lebih teruk daripada haze 1991 dan haze 1991 lebih teruk daripada 1990. Bolehkah sekarang kerajaan dengan sendiri dan dengan kerajaan-kerajaan ASEAN yang lain buat satu jaminan bahawa tidak

akan berlaku jerebu di masa depan yang lebih teruk daripada tahun 1997. Last worst haze!

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, ini pun impian kita semua. Tidak seorang pun mahu ada jerebu lagi tetapi kita semua mengetahui unsur-unsur atau faktor-faktor yang mengakibatkan jerebu ini adalah di luar kawalan kita manusia ataupun manusia melakukannya di sebahagian jerebu ini, ini pun sukar untuk kita memberi jaminan, ini perbuatan Tuhan dan di luar kuasa kita. Jadi kita semua berdoa semoga ini jangan berlaku lagi.

Tuan Yunof Edward Marinking: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuan bangun.

Datuk Law Hieng Ding: Ya.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai tabung untuk pertanian. Tadi sebelum Yang Berhormat menutup penggulungan iaitu memang kita semua sedar bahawa masalah 'shifting cultivation' ini boleh menyumbang ke arah masalah jerebu yang berterusan di negara kita ini dan satu mekanisme untuk mengatasinya haruslah dijalankan oleh kerajaan.

Jadi, persoalan saya ialah adakah kerajaan sedia untuk melalui Dasar Pertanian Negara yang mungkin akan digubal pada tahun ini agar masalah 'shifting cultivation' ini diambil perhatian serius dan peruntukan yang mencukupi, menyediakan infrastruktur dan juga penyelidikan kesesuaian tanah yang dibuka untuk perladangan terutama mengeluarkan beras negara supaya akhirnya nanti kita tidak lagi menghadapi 'shifting cultivation' tetapi mengusahakan sawah-sawah padi yang pada jangka masa panjang saya berpendapat boleh membantu negara di dalam mengatasi bukan sahaja jerebu tetapi masalah pembayaran imbalan luar negara dan saya minta penjelasan daripada pihak menteri adakah ini akan diambil kira oleh pihak kementerian? Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Yang Berhormat dari Tuan, mengenai dasar pertanian saya akan menyampaikan kepada Menteri Pertanian untuk ditimbang. Ini adalah satu cadangan yang baik. Ini adalah satu masalah yang kita pun selalu ingin mengatasinya.

Mengenai tabung memang kita akan menyediakan tabung di bawah Tabung Penyelidikan dan Pembangunan atau R&D. Ini pun sesiapa yang

berminat untuk menjalankan kajian ini, mereka boleh membuat permohonan kepada kementerian saya atau MPKSN.

Dan ada cadangan juga, kalau boleh mengadakan satu program persekitaran khasnya untuk petani-petani yang masih menjalani tanaman berpindah-pindah ini untuk mengajar mereka bagaimana cara yang betul patut dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Datuk Law Hieng Ding: Ada lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak boleh buat satu jaminan bahawa jerebu tahun 1997 adalah last worst haze, sungguhpun ada darurat diisytiharkan kepada Sarawak selama 10 hari, IPU sampai 839, bukankah ini satu sebab yang kuat kenapa Kerajaan Malaysia perlulah menuntut ganti rugi daripada pihak Indonesia supaya mereka pun sedar perlu ambil segala tindakan pre-emptive yang persediaan (preparatory) supaya tidak berlaku satu global environment disaster yang lebih teruk daripada apa yang sekarang kita mengalami. Sebab itu kita perlu menuntut ganti rugi.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang memahami perasaan rakyat mengenai perkara ini tetapi kalau kita membuat tuntutan ganti rugi, apa akibatnya kita semua mengetahui. Kita masih memerlukan persahabatan dari negara jiran kita dan tuntutan ganti rugi ini tidak akan membantu kita menyelesaikan masalah jerebu. Apa yang pentingnya matlamat yang terakhir ialah untuk mengatasi jerebu dan ini memanglah kita memerlukan kerjasama dari pihak Indonesia. Ini adalah cara pendekatan kita. Saya harap semua pihak memahami cara ini, bukan kerajaan tidak mahu buat apa-apa yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan dan cadangan yang telah diberikan dalam membantu kerajaan menangani masalah jerebu. Akhirnya jika terdapat persoalan atau cadangan yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, perkara-perkara tersebut akan saya beri perhatian dan akan mengambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

BAHAWA, Dewan ini memandang berat akan masalah jerebu merentas sempadan yang melanda rantau ini pada masa ini, khususnya betapa serius impaknya ke atas negara dari segi alam sekitar, ekonomi, sosial dan kesihatan rakyat serta ancaman dan gangguan kepada pengangkutan udara dan laut;

MENGAMBIL MAKLUM akan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk menangani masalah ini dan kerjasama yang telah diberikan kepada Indonesia;

MELAHIRKAN penghargaan terhadap tindakbalas yang telah ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa dan organisasi-organisasi pelbagai hala untuk membantu negara-negara di rantau ini yang dilanda bencana alam sekitar yang di luar jangkaan ini.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

MENYOKONG inisiatif yang diambil oleh Indonesia untuk melaksanakan langkah-langkah baikpulih yang lebih berkesan di negaranya untuk memadam kebakaran hutan dan tanah serta mewujudkan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mencegah berulangnya perkara ini di masa-masa akan datang;

MENYOKONG usaha kerajaan untuk meneruskan apa juga kerjasama yang dapat diberikan kepada Indonesia untuk membantu negara tersebut menangani masalah jerebu masa ini;

MENYOKONG inisiatif kerajaan supaya membawa perkara ini ke peringkat tertinggi kerajaan negara-negara ahli ASEAN untuk segera mengadakan tindakan bersama supaya satu pelan tindakan dan kerjasama dapat dilaksanakan;

MENYOKONG masyarakat antarabangsa dan organisasi pelbagai hala untuk bertindakbalas dengan lebih positif dalam membantu menangani bencana alam ini;

MENGINGATI rakyat supaya berwaspada dan sentiasa mengikuti panduan yang diberikan oleh kerajaan dalam menghadapi masalah jerebu ini dan mengelakkan daripada menceburi aktiviti-aktiviti seperti pembakaran terbuka yang boleh mencemarkan alam sekitar;

MENYOKONG tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk mengatasi masalah ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUPAN WANG 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997 iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan pengurusan wang dan bagi perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya dibaca untuk kali yang kedua.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk memperkenalkan satu rangka perundangan, penyeliaan dan pengawalan perniagaan pengurusan wang yang lebih berkesan dan efektif selaras dengan perkembangan yang sedang dialami dalam industri pengurusan wang. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan taraf profesionalisme di kalangan mereka yang terlibat dalam menjalankan perniagaan pengurusan wang dan seterusnya menjaga kepentingan pelanggan mereka.

Perniagaan pengurusan wang adalah satu aspek dalam sistem kewangan kita yang semakin menjadi satu perkhidmatan yang penting. Pada masa ini terdapat 112 pengurup wang berlesen di Malaysia. Buat masa sekarang perniagaan pengurusan wang adalah dikawal di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1993. Walau bagaimanapun, oleh kerana sistem kewangan negara termasuk industri pengurusan wang mengalami perkembangan yang

pesat pada masa ini, peruntukan-peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1993 adalah didapati terlalu lemah untuk memenuhi hasrat kerajaan membina rejim perundangan yang lengkap dan menyeluruh bagi perniagaan pengurusan wang.

Bagi mencegah kegiatan haram seperti pengurusan wang haram, perlaburan wang secara haram, dengan izin, money laundering, dan pemindahan dana yang boleh berlaku melalui perniagaan pengurusan wang, satu sistem pentadbiran pengawasan perniagaan pengurusan wang dengan sokongan undang-undang yang berkesan amat diperlukan. Oleh yang demikian, perundangan yang dimaksudkan perlulah merangkumi pelbagai aspek yang dapat mencegah aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti tersebut di atas.

Adalah lebih wajar sekiranya satu akta baru iaitu Akta Pengurusan Wang 1997 dikanunkan. Rang undang-undang ini juga akan menjadikan perniagaan pengurusan wang suatu industri yang lebih profesional dan memberi perlindungan kepada pelanggan. Rang Undang-undang juga mempunyai peruntukan-peruntukan yang jelas untuk menjaga kepentingan pemegang lesen.

Tuan Yang di-Pertua, struktur rang undang-undang mempunyai tujuh bahagian dengan 61 seksyen dan 2 jadual. Bahagian 1 rang undang-undang memperuntukkan bahawa Bank Negara Malaysia adalah pihak berkuasa yang mengawalselia industri pengurusan wang di mana Gabenor akan bertindak bagi pihak Bank Negara Malaysia dan akan menjalankan, melaksanakan dan menguatkuasakan segala kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberikan kepada Bank Negara Malaysia di bawah rang undang-undang ini. Pihak berkuasa berlesen ialah Bank Negara Malaysia dan ia boleh melantik mana-mana pegawainya untuk melaksanakan kuasa pelesenannya. Ini adalah merupakan sambungan amalan pelesenan perniagaan pengurusan wang yang sedia ada dilaksanakan sejak tahun 1960. Kuasa pelesenan ini juga memperuntukkan alasan-alasan bagi pembatalan lesen sebagai usaha untuk menjaga kepentingan pemegang-pemegang lesen pengurusan wang.

Bahagian II memperuntukkan bagi pelesenan pengurup-pengurup wang iaitu seorang yang menjalankan perniagaan pengurusan wang. Antara perkara baru yang dimasukkan di bawah bahagian ini adalah pengenaan sekatan ke atas seorang yang menjalankan perniagaan pengurusan wang tanpa lesen yang sah boleh didenda tidak melebihi

RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Hukuman yang lebih tinggi ini adalah bertujuan untuk mencegah kegiatan-kegiatan pengurusan wang secara haram. Bagi memastikan operasi pengurusan wang adalah lebih jelas dan telus, Bahagian II memperuntukkan bahawa seorang pemohon lesen yang bertujuan menjalankan perniagaan pengurusan wang hendaklah merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai modal syer berbayar yang minimum tidak terjejas oleh kerugian sebanyak RM100,000 atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Kriteria tersebut adalah untuk menunjukkan adanya komitmen pemegang lesen dan menggalakkan profesionalisme serta menentukan pengurusan yang baik di dalam perniagaan pengurusan wang.

Bahagian II rang undang-undang juga memperkatakan mengenai tempoh lesen iaitu selama lima tahun atau sebarang tempoh yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia seperti yang tercatat di atas lesen. Ini adalah supaya memberi ketentuan kepada pemohon-pemohon yang berjaya bahawa mereka boleh terus menjalankan perniagaan pengurusan wang mereka untuk tempoh yang berpanjangan asalkan mereka mematuhi semua syarat dan peruntukan di dalam rang undang-undang ini.

Apabila dilesenkan atau apabila lesen diperbaharui suatu fee sebanyak RM500 atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri Kewangan hendaklah dibayar oleh pemegang lesen. Untuk menyenangkan semakan oleh orang ramai dan melindungi pelanggan bahawa mereka menjalankan sesuatu urusan pengurusan wang dengan pemegang lesen yang sah, Bank Negara Malaysia adalah dikehendaki menyiarkan setiap tahun dalam *Warta* satu senarai semua pemegang lesen pengurusan wang dan alamat pejabat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini juga memerlukan seseorang pemegang lesen memperoleh kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia bagi membuka sesuatu pejabat dalam Malaysia untuk menjalankan perniagaan pengurusan wang. Seseorang pemegang lesen hendaklah membayar suatu fee sekali gus apabila memperoleh kelulusan Bank Negara Malaysia bagi membuka sesuatu pejabat dan suatu fee tahunan bagi tempat utama perniagaannya dan setiap pejabatnya yang lain. Perkara ini adalah dihuraikan di dalam Bahagian III.

Bahagian IV rang undang-undang pula menetapkan peraturan-peraturan mengawalselia terhadap cara seseorang pemegang lesen menjalankan perniagaan pengurusan wang demi untuk menjaga kepentingan orang ramai. Dalam hubungan ini penggunaan perkataan-perkataan yang boleh disifatkan, ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan perniagaan pengurusan wang adalah dilarang melainkan kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperolehi terlebih dahulu. Bagi mereka yang dilesenkan pula, mereka dikehendaki melekatkan atau mengecap namanya dengan perkataan-perkataan "pengurup wang berlesen" dan "licensed money-changer" di luar setiap pejabatnya yang diluluskan untuk menjalankan perniagaan pengurusan wang.

Bahagian IV rang undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa setiap pejabat pemegang lesen yang diluluskan dibenarkan memegang mata wang asing sebanyak RM250,000 pada bila-bila masa atau sebarang had yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Tujuan peruntukan bagi mengenakan had ini adalah untuk mengelakkan aktiviti haram di kalangan pemegang lesen. Untuk mengelakkan aktiviti haram pemegang lesen juga dilarang bagi membuat pengirisan dana sendiri kepada pihak ketiga kecuali pengirisan atau pemindahan tersebut dibuat melalui perniagaan mata wang asing yang diberi kuasa iaitu bank-bank perdagangan atau membuat pengirisan atau pemindahan dana ke luar negeri bagi pihak orang ketiga sama ada secara terus atau tidak termasuk melalui peniaga mata wang asing yang diberi kuasa.

Di dalam Bahagian V rang undang-undang kuasa penyiasatan Bank Negara Malaysia yang boleh dilaksanakan oleh mana-mana orang yang dilantik olehnya sebagai pegawai penyiasat adalah dihuraikan. Bagi membolehkan pegawai penyiasat menjalankan fungsi mereka dengan lebih berkesan, mereka diberikan kuasa penyiasatan yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI rang undang-undang memperkatakan mengenai pelbagai perkara berkaitan dengan tugas pengawasan oleh Bank Negara Malaysia ke atas industri pengurusan wang. Peruntukan-peruntukan menentukan sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman kuasa Menteri Kewangan untuk membuat peraturan-peraturan pemberian kuasa kepada Gabenor Bank Negara Malaysia untuk mengkompaun sesuatu kesalahan dengan amaun yang boleh dikenakan hendaklah tidak melebihi denda bagi kesalahan itu atau RM50,000 mengikut mana yang lebih rendah

dan juga memperuntukkan bahawa sesuatu pendakwaan di bawah rang undang-undang ini hanya boleh dilakukan dengan keizinan bertulis pendakwa raya terlebih dahulu.

Bahagian VII mengandungi peruntukan pengecualian dan peruntukan peralihan seseorang yang pada masa ini dilesenkan di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1993 untuk membeli dan menjual mata wang asing adalah disifatkan sebagai dilesen di bawah rang undang-undang ini. Mereka yang dilesenkan hanya untuk membeli mata wang asing pula akan dibenarkan untuk menjalankan perniagaannya sehingga lesennya di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 tamat.

Jadual I dan II menggariskan mata wang dari wilayah yang tidak termasuk di dalam takrif mata wang asing dan kriteria minimum bagi orang yang layak dan sesuai untuk memegang jawatan sebagai seorang pengarah atau pegawai yang dengan apa-apa cara mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurusan wang seseorang pemegang lesen.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah perlu untuk memastikan pengawalseliaan pemegang lesen yang lebih berkesan di dalam industri perniagaan pengurusan wang. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang adalah untuk melindungi kepentingan orang ramai dan bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme di kalangan pemegang lesen memandangkan mereka adalah merupakan barisan hadapan di dalam industri pelancongan serta dapat memberi imej yang baik kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan pengurusan wang dan bagi perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

5.12 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menggubal Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997. Masalah ini telah berlaku begitu lama hal pengawalan wang

negara kita yang kita lihat terutama sekali bila berlaku kebanjiran pekerja-pekerja asing yang berada di Malaysia sekarang yang dikatakan sekitar 3 juta orang dan yang mendaftar lebih daripada 1 juta orang. Kebanyakan pekerja-pekerja asing ini menggunakan 'money-changer' ini tempat mereka menukar wang dan menghantar wang mereka ke luar negara. Entah berapa bilion telah dikeluarkan kita tidak tahu apakah pihak kerajaan dapat mengesan, mencatat dengan detail jumlah tukaran wang yang berlaku di 118 buah 'money-changer' yang ada di Malaysia sekarang ini - 'money-changer' yang halal dan termasuk yang haram yang beroperasi tidak berlesen barangkali sudah berbilion ringgit wang negara kita telah pun terkeluar. Jadi, langkah untuk mengetatkan pengawalan terhadap pertukaran wang ini kita alu-alukan.

Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kenapa 'money-changer' ini dipelopori oleh satu kaum iaitu kalau kita lihat hanya kaum India ataupun India Muslim. Kenapa mereka ini cekap dalam bidang ini - tidak kaum lain termasuk orang-orang Cina yang bijak dalam perniagaan, kita lihat mereka kalah dalam perniagaan 'money-changer'. Dalam 118 buah 'money-changer' barangkali lebih daripada 100 buah dipelopori oleh kaum seperti kawan-kawan dari Kulim-Bandar Baru yang kita lihat mereka begitu cekap dalam bidang ini dan rangkaian mereka begitu hebat iaitu daripada United Kingdom, Hong Kong, Singapura, Kuala Lumpur termasuklah Johor Bahru, Ipoh dan Pulau Pinang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Mereka yang kontrol dan rangkaian mereka ini kita lihat 'money-changer' ini menjalankan perniagaan mereka dalam bentuk percaya antara satu sama lain. Kadangkala mereka tidak perlu surat-surat perjanjian untuk mengeluarkan wang berpuluh ribu ataupun ratusan ribu ringgit hanya dengan mengangkat telefon sahaja kepada kawan mereka untuk keluar wang di satu tempat yang lain jikalau tempat mereka tidak cukup wang untuk membuat pertukaran. Ini satu sistem yang mereka jalankan di antara mereka yang kita lihat berkesan iaitu percaya mempercayai satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan soal pengaliran wang di negara kita keluar melalui, kalau daripada bank lebih daripada RM10,000 mereka kena isi borang tertentu tetapi di tempat money-changer ini tidak perlu isi borang tertentu dan kita pula tidak diberi sebarang resit. Oleh itu banyak mana wang ditukar satu hari barangkali pihak Kementerian

Kewangan tidak dapat mengesannya. Pada hari Isnin lepas saya berada lebih kurang 15 minit di depan satu kaunter 'money-changer', saya berbual dengan tauke 'money-changer' itu dalam masa 15 minit sudah RM10,000 orang Indonesia datang menukar wang daripada wang Malaysia kepada wang Rupee untuk mereka kirim atau membawa balik ke Indonesia. Kalau 10 minit sudah RM10,000 bayangkanlah kalau berlaku, misalnya selepas gaji dan sebagainya. Jadi, dalam masa satu hari entah berapa ratus ribu berlaku pertukaran wang dan pekerja-pekerja asing ini kita lihat mereka bekerja di Malaysia, kebanyakannya berbelanja hanya untuk makan alas perut untuk makan dan mereka tidak berbelanja di sini. Jadi, wang yang mereka dapat di sini kebanyakannya mereka tidak habiskan di sini dan mereka membawa balik.

Tidak seperti berlaku kepada pelajar-pelajar kita atau orang-orang yang bekerja di United Kingdom. Pelajar-pelajar kita di sana 15,000 orang, bayangkan bagaimana wang kita mengalir ke sana. 15,000 orang, kalau seorang berbelanja 7,000 Pound setahun sudah berapa ratus ribu pound kita berbelanja di sana, kemudian pelajar-pelajar kita di peringkat post-graduate, bila hendak balik pula membawa balik Mercedes dan lagi kita berbelanja di sana bawa duit daripada sini untuk membeli kereta Mercedes terutama sekali, oleh itu pelajar-pelajar kita atau kakitangan kerajaan yang pergi ke UK selalunya bukan membawa balik duit tetapi menghabiskan duit di sana.

Apa yang kita hendak cadangkan di sini supaya kementerian dapat fikir supaya bagaimana pekerja-pekerja di sini 3 juta orang, kita ambillah satu per empat daripada mereka, bila pulang ke negara mereka, mereka dapat bawa balik Proton Saga. Berapa ratus biji kita boleh jual kepada mereka. Apa intensif boleh kita buat kepada mereka ini tetapi sekarang ini mereka datang, belanja hanya untuk membeli makan, kemudian mereka bawa balik duit kesemuanya ke negeri mereka dan ada di antara mereka membina banglo-banglo besar di negara mereka sedangkan di sini mereka duduk di rumah-rumah yang cukup daif. Ini kerana mereka tidak berbelanja di sini sebab mereka tidak perlu beli apa di sini untuk dibawa balik ke negeri mereka menyebabkan pertukaran wang negara kita keluar begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, di sudut keyakinan iaitu tadi dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan iaitu Bank Negara Malaysia akan mengawalinya, saya ragu sebab selama ini kita lihat kadangkala pandangan-pandangan Bank Negara Malaysia

terhadap keadaan ekonomi negara, kadangkalanya tidak didengar oleh kerajaan sendiri. Misalnya, hal-hal saham, kejatuhan saham, kejatuhan nilai mata wang, signalnya telah dibuat oleh Bank Negara Malaysia kira-kira bulan Mac yang lalu dan Ahli-ahli Parlimen di sini telah membangkitkan soal situasi ekonomi, situasi saham yang tidak menentu tetapi kita lihat pihak kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan yang boleh menyebabkan tidak berlaku, satu, yang dikatakan over-heating economy yang menyebabkan wang kita jatuh begitu dahsyat sekarang ini.

Bahkan kadangkalanya pandangan Bank Negara Malaysia termasuk Gabenor atau timbalannya atau pegawai Bank Negara Malaysia dimusuhi oleh kerajaan, padahal pandangan-pandangan mereka kadangkala mereka beri pandangan sebagai ahli ekonomi, sebagai pegawai kerajaan, bukan pandangan orang politik tetapi kadangkalanya kita lihat Bank Negara Malaysia tidak dihormati. Jadi, bagaimana Bank Negara Malaysia hendak kawal kalau dia tidak dihormati soal pengaliran wang yang keluar daripada Malaysia sekarang ini. Sebab itu pandangan-pandangan orang-orang ekonomi yang profesional termasuk yang duduk di Bank Negara Malaysia atau di universiti-universiti perlu kita hormati, kalau tidak jadilah seperti sekarang ini iaitu pandangan-pandangan mereka kadang-kadang itu tidak dihormati oleh kerajaan sendiri yang menyebabkan kadangkala pegawai-pegawai bank ini dia lebih mengambil sikap meninggalkan bank ataupun kalau dia memberi pandangan dia terpaksa bermusuhan dengan menteri-menteri, Menteri Kewangan atau Perdana Menteri yang menyebabkan kadangkala mereka tidak mahu memberikan pandangan profesional mereka. Sebab itu kita harap pandangan profesional mesti dihormati untuk menjaga ekonomi Malaysia sekarang dan pada masa yang akan datang terutama pengaliran wang kita yang keluar berbilion-bilion ringgit tanpa dapat dikesan oleh negara akhirnya berlaku disaster kepada negara kita sekarang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Segambut.

5.20 ptg.

Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, ribuan terima kasih kerana beri saya peluang berbahas petang ini. Izinkan saya mengulas tentang kemudahan pinjaman script ataupun, dengan izin, SBL facility. Pada awal tahun 1997, Malaysia membenarkan kemudahan yang dipanggil

kemudahan pinjaman script, ataupun dengan izin, script borrowing and lending facility atau lebih dikenali sebagai, dengan izin, SBL facility.

Di bawah skim ini orang-orang yang menjual beli saham-saham dibenarkan meminjam script daripada ejen-ejen SBL yang dilulus dan kemudiannya menjual singkat saham-saham tersebut. Syarikat-syarikat ini selalunya mempunyai syarikat-syarikat nominee yang besar.....

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tajuk yang dibangkitkan tiada kaitan dengan rang undang-undang ini dan saya cadangkan kalau hendak ditimbulkan ada satu rang undang-undang yang akan dicadangkan kemudian, bolehlah ditimbulkan pada masa itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, diharap Yang Berhormat ambil perhatian.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, masa sekarang kita membahar ada banyak masalah di saham dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, perbincangan itu tertakluk kepada apa yang ada di dalam Rang Undang-undang Pengurusan Wang.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada satu Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997, kalau hendak timbulkan masalah dengan pinjaman, saya rasa mungkin itulah masanya lebih sesuai untuk didebatekan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, saya minta perbincangan dikhususkan kepada pengurusan wang - bil yang ada di depan kita sekarang.

Dr. Tan Kee Kwong: Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada lagi hendak bahas? Ya, Kota Melaka.

5.22 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin turut mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang Pengurusan Wang yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dari segi konsepnya rang undang-undang ini adalah perlu untuk mengawalselia dan juga untuk memastikan bahawa sektor pengurusan wang ini terkawal,

namun saya ingin bertanya apakah maksud pihak kerajaan untuk menetapkan beberapa peraturan seperti berikut:

Yang pertama dari segi jumlah maksimum, seperti tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut - Fasal 29 iaitu dari aspek pegangan maksimum mata wang asing, ia tidak boleh melebihi bersamaan RM250,000 atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh pihak Menteri. Di sini saya rasa kalau kita melihat perniagaan sektor pengurusan wang adalah merupakan satu kelaziman di mana kebanyakan pengurup-pengurup wang tidak akan memegang wang yang banyak kerana tidak mahu terdedah kepada kemungkinan atau pendedahan risiko turun naik nilai mata wang asing tetapi kalau perkara ini ditetapkan, adakah pihak Bank Negara Malaysia mendapati bahawa pihak pengurusan wang juga terlibat dalam spekulasi mata wang asing sehingga mereka menggunakan ini sebagai satu usaha untuk menyembunyi atau berselindung di belakang peniaga ini untuk terlibat dalam spekulasi nilai mata wang asing. Saya hendak mengetahui rasional di belakang Fasal 29 ini.

Untuk perkara yang kedua, kalau kita lihat nilai ataupun kadar-kadar yang ditawarkan oleh pihak pengurusan wang, kalau dibandingkan dengan pihak bank-bank perdagangan, biasanya mereka adalah lebih baik. Di bawah rang undang-undang ini adakah kelonggaran yang sama akan diberikan, adakah pihak kementerian akan memastikan bahawa kelonggaran yang mereka amalkan sekian lama ini akan diteruskan kerana pernah timbul dan di sini saya pun ada pengalaman di mana kalau kita hendak membeli sebagai satu kumpulan - untuk satu kumpulan ingin melancong ke luar negeri, kalau kita hendak membeli satu jumlah yang besar, biasanya kita akan menemui pihak pengurup wang dan meminta mereka memberikan tawaran kadar yang lebih baik daripada apa yang mereka paparkan di luar premis perniagaan mereka. Adakah ini akan dibenarkan? Kalau ini tidak dibenarkan saya rasa nampaknya tidak memihak kepada para pengguna kerana apabila pengguna ingin mendapat kadar yang lebih baik, saya rasa mereka harus diberikan pilihan sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam aspek ini kawalan adalah perlu untuk memastikan bahawa wang kertas yang mereka tukar adalah tulen. Oleh sebab itu saya harap bahawa masalah, sungguhpun bukan besar tetapi masalah pernah timbul apabila wang kertas yang mereka tukarkan pernah diperhatikan dan didapati bahawa ia adalah palsu.

Adalah diharapkan bahawa masalah ini dapatlah diatasi selepas lulusnya rang undang-undang seperti ini.

Kalau dalam aspek memberikan kadar yang lebih baik daripada harga pasaran, ini tidak dibenarkan sekali lagi, saya rasa ini adalah satu langkah yang tidak memihak kepada kepentingan pengguna. Oleh sebab itu saya harap perkara ini bolehlah diambil kira. Pada masa yang sama saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian tentang kegiatan perdagangan tukaran wang asing yang dibuat secara tidak sah di mana ada cawangan-cawangannya yang kononnya cawangan kepada syarikat-syarikat ibunda di Hong Kong atau di luar negara di mana mereka memperdagangkan atau membuat spekulasi dalam pasaran tukaran wang asing. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu tahu tentang masalah ini. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan perdagangan sedemikian kerana yang pertama, ia adalah haram dan tanpa sebarang kawalan daripada pihak Bank Negara Malaysia. Adalah dikhuatiri bahawa masalah ini akan menjadi runcing apabila syarikat ini bankrap atau menutup pintu dan ini pernah berlaku dalam beberapa kes di Pulau Pinang. Oleh sebab itu saya berharap bahawa semasa pihak Bank Negara Malaysia hendak melaksanakan pengalaman baru ke atas satu bidang pengurusan wang, ia nampaknya tidak berdaya untuk menghapuskan kegiatan spekulasi pasaran tukaran wang asing di mana ia dilakukan secara haram untuk syarikat ibunda di luar negara. Sungguhpun beberapa tindakan telah diambil tetapi masalah ini masih wujud lagi dan bukan sahaja sekadar di Kuala Lumpur, malah berlakunya di bandar-bandar kecil yang lain dan saya harap perkara ini bolehlah diberikan perhatian yang sewajarnya.

Saya ingin menimbulkan lebih banyak perkara lagi tentang peranan yang perlu dimainkan oleh Bank Negara Malaysia tetapi oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa ini boleh dibangkitkan di dalam rang undang-undang yang seterusnya, saya rasa saya akan menggunakan kesempatan pada rang undang-undang tersebut untuk membangkitkan peranan yang sepatutnya dimainkan atau peranan yang gagal dimainkan oleh Bank Negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Timbalan Menteri, sila jawab.

5.30 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang

Berhormat dari Kubang Kerian dan Kota Melaka kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Mengenai hanya sebilangan sahaja bumiputera yang menjalankan industri pengurusan wang, ini adalah satu kenyataan yang tidak begitu tepat oleh kerana untuk lesen penuh, terdapat 43% yang dijalankan oleh bumiputera dalam perniagaan ini. Sama ada anggapan Ahli Yang Berhormat itu bahawa ini adalah satu kaum, itu terserahlah kepada Ahli Yang Berhormat. Saya memang bersetuju dalam industri ini terdapat pertalian dan perhubungan yang rapat di antara satu dengan yang lain di dalam negara ini ataupun di luar negeri dan ini juga memudahkan golongan atau satu-satu sindiket itu mudah untuk menjalankan perniagaan ini. Mungkin itulah salah satu tujuan rasional kita untuk mengadakan rang undang-undang ini supaya dapatlah kita tingkatkan profesionalisme dan ketelusan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada keseluruhannya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan kekhuatirannya tentang kegiatan melabur wang secara haram. Jadi, sukacita saya maklumkan itulah mengapa rang undang-undang diadakan. Fasal 4 mengenai keperluan bagi pengurusan wang untuk dilesenkan. Peruntukan ini membolehkan Bank Negara Malaysia mengawal selia orang yang menjalankan perniagaan ini dan pelabur wang secara haram yang menggunakan perniagaan pengurusan wang untuk melabur wang secara haram boleh dihalang daripada dilesenkan. Dengan mengadakan regim pelesenan, bank mempunyai kuasa untuk mengawal dengan lebih teliti pemegang lesen yang disyaki menggunakan perniagaan pengurusan wangnya untuk melabur wang secara haram atau untuk mengawal pemegang lesen supaya tidak dipergunakan oleh pelabur wang secara haram. Kalau dibandingkan dengan akta yang lama, ini adalah kerana akta yang lama itu tidak mempunyai peruntukan yang ketat ataupun yang membolehkan Bank Negara Malaysia untuk menahan ataupun mencegah orang menjalankan perniagaan seperti ini oleh kerana denda yang dikenakan itu adalah rendah dan kuasa yang diberikan dalam peruntukan itu adalah lemah.

Begitu juga katalah untuk kelayakan.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, pertama sekali tentang lesen ada dikeluarkan kepada bumiputera tetapi selalunya disewakan kepada - bumiputera itu mungkin India muslim dan kebanyakannya masih pegang kad pengenalan merah. Yang saya hendak tekankan di sini ialah bagaimana Kementerian Kewangan atau kerajaan dapat tahu satu hari jumlah transisi ataupun perniagaan pertukaran mata wang ini sedangkan kalau kita pergi ke money changer di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, kita boleh tukar tanpa dikeluarkankan resit. Bagaimana pihak Kementerian Kewangan dapat mengesan jumlah wang yang ditukar pada satu hari dan banyak mana yang dikeluarkan daripada Malaysia pada satu hari kalau semua perniagaannya tanpa resit atau resit yang diberi itu bukan dipanggil resit yang kita tahu di tempat money changer itu. Jadi, bagaimana kerajaan hendak kawal, hendak tahu jumlah transisi yang berlaku pada setiap hari?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat mekanisme untuk tujuan ini dan kalau berbanding dengan masa dahulu mungkin secara teliti umpamanya tidak dijalankan, tetapi dengan peruntukan yang sedia ada itu mekanisme telah diadakan. Yang sebenarnya di dalam Fasal 28, pemegang lesen hendaklah menyediakan resit. Dengan peruntukan ini, pemegang lesen ini dikehendaki mengadakan rekod bagi setiap urusan niaga yang dijalankannya dan setiap urusan niaga hendaklah yang sah. Apabila diaudit, pemegang lesen hendaklah mempunyai rekod untuk menyokong setiap urusan niaganya. Ini bermakna pada hujung tahun bila penyemakan, penyiapan untuk perakaunan hendak diaudit, semua dokumen seperti ini kenalah disemak oleh juruaudit yang diakui oleh Bank Negara.

Dan juga resit yang disediakan oleh pemegang di bawah Fasal 28(1), resit yang disediakan oleh pemegang lesen dikehendaki mengandungi nama pelanggannya dan nombor pasport atau kad pengenalannya jika urusan niaga itu adalah melebihi daripada RM20,000. Ini adalah untuk membolehkan Bank Negara mengadakan rekod mereka yang mengurus niaga dalam amaun yang besar dan juga keperluan ini untuk menghalang pelabur wang secara haram untuk menggunakan pemegang lesen bagi aktiviti-aktiviti yang haram.

Bagi tujuan seperti yang dikatakan untuk mengelakkan kegiatan seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, oleh kerana pemegang maksimum mata wang asing ini

adalah dihadkan kepada RM250,000 pada bila-bila masa sahaja. Ini adalah untuk tujuan mengelakkan money laundering dan supaya ini yang difikirkan adalah munasabah untuk kegiatan pertukaran wang bagi tujuan pelancong dan juga tidak terlampau banyak dan tidak terlampau kurang serta juga difikirkan adalah munasabah. Kalau terdapat kegiatan yang mungkin menggunakan peluang ini untuk menunggu kadar mata wang itu naik dan begitu juga ada risikonya kerana mungkin kadar mata wang itu akan turun. Jadi, ini adalah risiko sesuatu pemegang lesen itu perlu menanggung.

Kita memang tidak menggalakkan menggunakan jumlah ini untuk tujuan sebagai satu kegiatan untuk mencari untung dalam perubahan kadar mata wang asing, tetapi ini adalah limit yang dihadkan oleh Bank Negara.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa tujuan had ringgit itu bersamaan kepada RM250,000 ialah untuk mengelakkan masalah money laundering. Adakah pihak kerajaan mengesyaki bahawa ada pengurup wang yang terlibat dalam money laundering sehingga mereka memegang jumlah nilai mata wang asing yang begitu besar sehingga perlunya ada satu peraturan untuk menghadkannya kepada satu amaun yang tidak melebihi RM250,000. Kalau ini berlaku, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap pengurup-pengurup wang tersebut atau ia hanya dalam peringkat disyaki dan oleh itu perlunya peraturan seperti ini. Kerana seperti yang saya katakan tadi dalam ucapan saya bahawa biasanya untuk pengurup wang, mereka tidak akan memegang satu jumlah yang besar kerana mereka tidak mahu terdedah kepada risiko turun naik nilai mata wang asing. Oleh sebab itu, saya amat hairan dengan perlunya peraturan baru ini. Tetapi kalau ini adalah masalah money laundering, saya memang bersetujulah. Tetapi kalau ada mengesyaki mereka terlibat, berapa yang terlibat dan berapa banyak wang yang terbabit? Sekian, terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, larangan terhadap pengiriman dan pemindahan wang dalam jumlah yang besar, memang terdapat peruntukan di bawah Fasal 30 di mana pemegang lesen tidaklah boleh menjadi conduit oleh pelabur wang secara haram untuk menghantar dana yang diperolehi daripada aktiviti haram ke luar negeri. Dan juga di bawah Fasal 31, larangan pemajakan ataupun memindahkan perniagaan pengurusan wang di mana pemegang lesen tidaklah

memajakkan ataupun memindahkan penyerahan perniagaan pengurusan wang kepada pelabur wang secara haram.

Oleh kerana terdapat peruntukan yang memerlukan pemindahan satu-satu wang kepada pihak yang ketiga itu melalui satu bank perdagangan yang sah, tidaklah secara wang tunai, maka ini adalah menjadi satu bukti di mana bolehlah Bank Negara Malaysia menghad ataupun mengawal selia kegiatan seumpama ini boleh berlaku. Jadi, setakat ini kita tidak terdapat apa-apa bukti yang menunjukkan money laundering yang berlaku di dalam negara kita ini. Kita memang sentiasa mengawal selia dan menasihatkan mengeluarkan garis panduan kepada bank-bank perdagangan di dalam negara kita supaya sentiasa berwaspada tentang money laundering yang mungkin berlaku di dalam Malaysia ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Soalan akhir saya, adakah kementerian sedar tentang kuasa money changer ini iaitu mereka pernah beritahu saya, kaum lain iaitu Cinakah, Melayukah boleh buka money changer, kami boleh tutup dalam masa dua bulan. Ertinya, mereka ada satu pakatan di antara mereka dari sudut perpindahan duit dan sebagainya menyebabkan luar daripada circle mereka tidak boleh terlibat dalam perniagaan money changer ini. Yang terlibat dalam money changer ini ialah kebanyakannya India yang berasal daripada Madras. Kalau India berasal daripada tempat lain pun dia akan gagal bila terlibat dalam money changer. Jadi, monopoli mereka ini bagaimana pihak kerajaan boleh pecahkan, iaitu mereka begitu power sehingga mereka cabar, ada modal berapa juta ringgit, bukalah, kami boleh tutup dalam masa dua bulan. Jadi, power di antara mereka ini bagaimana kita hendak pecahkan power mereka?

Dato' Wong See Wah: Sebelum saya jawab soalan ini, saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka oleh kerana saya belum habis jawab soalan itu lagi. Untuk mendenda orang-orang ataupun kegiatan seperti yang dikatakan menghantar dana wang yang besar yang tidak sah. Denda yang dikenakan itu adalah tidak melebihi RM100,000, jadi ini adalah satu amaun yang besar.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, saya tidak percaya kenyataan seperti yang disebutkan, ini akan

berlarutan oleh kerana dengan adanya peruntukan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini cukup sedia untuk memastikan supaya perniagaan ini adalah adil, seperti yang terdapat di Hong Kong, di Singapura, di mana-mana satu bandar yang besar di mana kadar urus niaga itu dapat dikeluarkan dan dapat juga ditunjukkan tempat pejabatnya dengan papan yang menunjukkan ini adalah urus niaga pengurup wang dan juga untuk kita menjaga.

Kita mempunyai beberapa peruntukan yang menjaga kepentingan pelanggan. Ini adalah supaya memastikan perniagaan industri ini adalah dijalankan secara adil, telus dan terbuka. Saya rasa berilah sedikit masa untuk Bank Negara Malaysia, tentulah kita akan jadikan ini sebagai satu industri yang sihat dan mungkin terdapat aktiviti-aktiviti yang kita kurang senang hati dan mungkin adalah secara tidak baik, tetapi saya rasa inilah tujuan dan rasional rang undang-undang ini untuk kita memperbetulkan situasi seperti ini.

Dengan itu, saya mencadangkan.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Dato' Wong See Wah: Okay.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Timbalan Menteri masih belum menjawab soalan saya tadi, sama ada dengan lulusnya rang undang-undang ini bolehkah pihak pengguna tawar-menawar dengan pihak pengurup wang? Kerana seperti yang saya katakan tadi sebagai satu contoh, satu kumpulan 20 orang hendak pergi ke Thailand ataupun ke Indonesia, sekarang hanya boleh pergi ke Thailand dan tidak ke Indonesialah kerana nilai mata wang ringgit kita yang begitu rendah. Kalau kita hendak pergi ke negara itu dalam kumpulan 20 orang, kita bayar satu lump sum, tukar wang. Kita boleh minta mereka memberikan satu kadar yang lebih rendah daripada apa yang mereka iklankan. Bolehkah ini masih diteruskan atau dibenarkan di bawah rang undang-undang ini, kerana kalau tidak, saya rasa ini tidak memihak kepada kepentingan pengguna.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, perniagaan itu bolehlah dijalankan dalam pejabat yang dikhaskan, iaitu kalau perniagaan urus niaga itu dijalankan di bawah kadar yang dipaparkan atau ditawarkan itu, adalah dibenarkan lebih rendah daripada apa yang ditunjukkan pada papan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis

bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 54 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 55 -

Dato' Wong See Wah: Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya fasal ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu.

Teks Bahasa Kebangsaan adalah seperti berikut:

"(2) Mana-mana pegawai Bank atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Bank boleh, jika dia diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya, mendakwa apa-apa kes berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini."

Teks Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

"(2) Any officer of the Bank or any person authorised by the Bank may, if he is authorised in writing by the Public Prosecutor, prosecute any case in respect of any offence committed under this Act."

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang, terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang dicadangkan, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut:

"(2) Mana-mana pegawai Bank atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Bank boleh, jika dia diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya, mendakwa apa-apa kes berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini."

Teks Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

"(2) Any officer of the Bank or any person authorised by the Bank may, if he is authorised in writing by the Public Prosecutor, prosecute any case in respect of any offence committed under this Act."

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 55 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 56 hingga 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997 iaitu bagi membuat pindaan ke atas Akta Bank Negara Malaysia 1958 dibaca untuk kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk memperkenalkan beberapa pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958 berikutan daripada pengwujudan Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997 yang memberi kuasa statutori baru kepada Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa pelesenan dan pengawalseliaan terhadap industri perniagaan pengurusan wang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dalam rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 1958 yang berbangkit daripada pembuatan Akta Pengurusan Wang 1997 seperti berikut:-

- (a) pindaan ke atas seksyen 16 bagi memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk membuat laporan terhadap kesalahan-kesalahan yang disyaki di bawah Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997 kepada polis atau orang-orang lain yang terjejas atas kesalahan itu;
- (b) pindaan ke atas seksyen 30(3) untuk Bank Negara Malaysia mentadbir, menguatkuasa, menjalan dan memberi kesan kepada peruntukan Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997;

(c) pindaan ke atas seksyen 34 untuk mengkehendaki Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia supaya sentiasa memaklumkan kepada Menteri mengenai polisi berkaitan dengan pengurusan wang di bawah Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997; dan

(d) pindaan ke atas seksyen 37(1)(e)(ii) untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia dalam membuat syor kepada pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengurusan wang bagi memberi kesan terhadap tujuan Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah pada asasnya perlu bagi memastikan peruntukan-peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Bank Negara Malaysia adalah diselaraskan supaya kuasa di sisi undang-undang dapat dilaksanakan dengan mudah tanpa kepincangan apabila Akta Pengurusan Wang 1997 dilaksanakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Segambut.

5.55 ptg.

Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1997 Malaysia membenarkan kemudahan yang dipanggil kemudahan pinjaman skrip ataupun dengan izin, script lending and borrowing facility atau lebih dikenali sebagai SBL facility, dengan izin. Di bawah skim ini, orang-orang yang menjual beli saham-saham dibenarkan meminjam skrip daripada ejen-ejen SBL yang diluluskan dan kemudiannya menjual singkat saham-saham tersebut. Syarikat-syarikat ini selalunya mempunyai syarikat-syarikat nominee yang besar dan memegang saham-saham yang bernilai beberapa ribu juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ini ejen-ejen SBL yang diluluskan itu akan meminta klien-klien mereka

untuk meminjam saham-saham tersebut. Kebanyakan klien mereka akan bersetuju kerana bayaran bagi berbuat demikian adalah sangat memuaskan, misalnya 2.75% setiap tahun bagi nilai pasaran jumlah hari saham itu dipinjam. Klien-klien itu selalunya pemegang jangka panjang, oleh kerana itu mereka boleh mendapatkan bayaran tambahan itu tanpa membuat apa-apa pun. Ejen-ejen SBL juga akan mendapatkan manfaat dengan mengenakan bayaran yang tinggi bagi pinjaman skrip-skrip tersebut.

Bagi menentukan pinjaman saham, ejen-ejen SBL akan menandatangani perjanjian-perjanjian master, dengan izin, atau perjanjian-perjanjian case by case, dengan izin, dengan klien-klien mereka. Perjanjian-perjanjian master membenarkan ejen-ejen SBL untuk secara automatik pinjam saham-saham dengan syarat-syarat tertentu tanpa merujuk kepada klien-klien mereka, oleh kerana itu, ia adalah skim yang longgar. Ini berbanding dengan perjanjian-perjanjian case to case di mana ejen-ejen SBL mesti merujuk kepada klien-klien mereka setiap kali ejen-ejen SBL ingin memberi pinjaman saham-saham yang merupakan skim yang tidak diubah-ubah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang utama mengapa saya ingin menjelaskan tentang kemudahan SBL ini ialah kerana wujud khabar-khabar angin baru-baru ini bahawa orang-orang yang memanipulasikan pasaran saham, termasuk George Soros, meminjam saham-saham daripada pihak pengurusan tiga syarikat sekuriti dan kemudian mereka menggunakan saham-saham ini untuk menjual singkat pasaran saham KL. Ini adalah antara sebab-sebab yang utama bagi kejatuhan tajam pasaran saham Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga khabar-khabar angin bahawa saham-saham yang dipinjam oleh syarikat-syarikat tersebut merupakan saham-saham yang dipunyai oleh Khazanah Nasional. Situasi ini mungkin dimudahkan oleh perjanjian master yang ditandatangani oleh syarikat-syarikat tersebut dan Khazanah Nasional. Saham-saham ini mungkin disimpan dengan syarikat-syarikat nominee, akan tetapi Khazanah Nasional tidak sedar bahawa saham-saham yang dipunyai olehnya digunakan bagi sebab-sebab yang tidak jujur, iaitu untuk menjatuhkan pasaran saham kita. Terdapat juga khabar angin bahawa satu daripada syarikat-syarikat sekuriti tersebut sudah meraih keuntungan sebanyak 2,000 juta dollar daripada kejatuhan pasaran saham yang berlaku dalam tempoh tiga bulan lalu.

Perkara yang salah dan bertentangan dengan kepentingan negara kita dalam kes ini ialah kenyataan bahawa saham-saham yang dipunyai oleh Khazanah Nasional telah dipinjamkan kepada George Soros dan lain-lain orang yang memanipulasi kedua-dua pasaran wang dan saham kita yang merugikan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu masalah yang conflict of interest, Kementerian Kewangan mesti mengkaji semula Lembaga Pengarah Khazanah Nasional. Tan Sri Dato' Abdul Rashid bin Haji Mohd. Hussin adalah seorang Pengarah Khazanah Nasional. Tan Sri juga merupakan pemegang ekuiti penting di dalam kedua-dua syarikat sekuriti Rashid Hussin dan RHB Bank. Kepada kebanyakan rakyat ternyata dalam situasi konflik kerana ia boleh mempengaruhi keputusan-keputusan pelaburan Khazanah Nasional, badan pelaburan kerajaan bagi manfaat kumpulan syarikat-syarikatnya.

Minda objektif saya berfikir bahawa Tan Sri langsung tidak boleh mengakui bahawa dia tidak berada di dalam kedudukan konflik. Pihak kerajaan mesti mengakui semula perkara ini dan membetulkan untuk kebanyakan negara yang kita sayangi ini dan bukannya bagi manfaat ataupun mudarat seseorang.

Baru-baru ini Perdana Menteri kita telah menyeru supaya peraturan-peraturan diwujudkan bagi pasaran kewangan. Pada permulaannya, seruan Perdana Menteri bagi pengwujudkan peraturan-peraturan ini luar biasa memandangkan pendekatan dunia ini kepada liberalisasi, akan tetapi saya percaya bahawa Perdana Menteri kita berfikir tentang kepentingan negara kita. Seruan Perdana Menteri disebabkan oleh orang-orang yang tertentu, termasuk George Soros, yang masuk ke dalam pasaran-pasaran kita bagi manfaat dirinya sendiri. Saya percaya bahawa kelakuan mereka serupa dengan merompak ekonomi kita. Mereka bertujuan untuk merosakkan ekonomi kita bagi mewujudkan ketidakstabilan politik di dalam negara kita. Saya percaya bahawa George Soros sedang berusaha untuk melemahkan kedudukan Perdana Menteri kita supaya Perdana Menteri mungkin terpaksa meletakkan jawatan. Motif ini terbukti baru-baru ini apabila wartawan asing menyeru dengan tidak adil untuk perletakan jawatan Perdana Menteri kita. Saya percaya tindakan George Soros yang lemah dan tidak peduli diwujudkan kerana Perdana Menteri kita baru-baru ini memberi pendapat-pendapatnya dengan jujur dan terus terang berkenaan dengan orang-orang yang jahat, yang ingin menghancurkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa tibalah masanya untuk menyokong dan berkumpul di belakang kerajaan kita yang sedia ada, terutamanya Perdana Menteri kita. Kita tidak boleh membenarkan segelintir orang asing mensia-siakan kerja-kerja baik Perdana Menteri kita yang memegang jawatannya selama 16 tahun. Sudah tentu segelintir orang, termasuk orang-orang yang memanggil dirinya sendiri sebagai warganegara Malaysia, ingin melihat kerajaan yang sedia ada jatuh bagi sebab-sebab yang mereka lemah. Akan tetapi saya percaya bahawa kita sebagai satu negara mesti melawan dengan orang-orang yang tidak diinginkan ini yang cuba dengan sedaya upaya untuk merosakkan negara kita. Kita tidak boleh membenarkan fikiran kita berkenaan dengan negara kita dipengaruhi oleh orang-orang asing. Segelintir orang tersebut telah menyatakan bahawa mereka hilang kepercayaan di dalam negara kita oleh kerana fundamental yang lemah, akan tetapi Tabung Kewangan Antarabangsa telah memberi Malaysia suatu penilaian yang baik bagi bulan Julai tahun ini. Ketua Pengarah Tabung tersebut telah memuji ekonomi negara kita yang dikatakannya diurus dengan baik. Saya percaya tiba masanya untuk mendengar kenyataan-kenyataan Perdana Menteri dengan teliti kerana Perdana Menteri kita adalah satu-satunya orang yang akan membela negara kita, bukan peniaga-peniaga asing yang tamak dan warganegara Malaysia yang menolong mereka. Kita mesti berkumpul di belakang Perdana Menteri kita yang telah memberi kita pertumbuhan ekonomi yang cemerlang dan keamanan yang belum pernah kita nikmati dalam masa 16 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Perdana Menteri telah menarik perhatian kita kepada perniagaan kewangan yang dinyatakan bernilai 20 kali ganda saiz perniagaan dunia. Perdana Menteri kita berkata bahawa ia tidak menyumbangkan kepada kebaikan insan di dunia ini. Apa yang Perdana Menteri kita katakan adalah benar. Orang yang akan diperkayakan adalah orang-orang yang memudahkan perniagaan tersebut. Peniaga-peniaga yang kebanyakannya spekulator mungkin menang, mungkin kalah. Hubungan menjual beli ini tidak memberi manfaat dari segi menaikkan taraf kehidupan orang ramai. Ia hanya bermakna aktiviti berjudi dan spekulasi telah menukar rupanya. Oleh kerana itu, saya percaya seruan Perdana Menteri untuk mewujudkan peraturan-peraturan bagi perniagaan kewangan adalah seruan yang bijaksana dan munasabah, yang bertujuan untuk menukar tanggapan bahawa kekayaan melalui perniagaan kewangan adalah moral.

Akhirnya, kita tidak semestinya putus asa mengenai masalah-masalah ekonomi negara kita pada masa kini kerana kerajaan sedang mengkaji cara-cara bagi mengatasi kejatuhan ringgit dan pasaran saham. Rakyat Malaysia mesti bersatu dan berdisiplin dalam menghadapi cabaran ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

6.08 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin mengambil bahagian ke atas satu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia di mana akta ini adalah satu pindaan yang berbangkit daripada pembuatan akta yang baru diluluskan tentang pengurusan wang.

Sebagai sebuah badan pengawal selia ke atas Dasar Kewangan Negara, tentunya pindaan ini adalah perlu kerana kita harus ada satu 'agensi satu henti' atau 'one stop agency' untuk mengawal semua industri atau semua badan kewangan, tetapi pada masa yang sama kita patutlah mengkaji dengan sedalam-dalamnya peranan yang dimainkan oleh Bank Negara dalam krisis kewangan yang dihadapi oleh negara kita dalam tempoh masa dua atau tiga bulan yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat dalam satu ucapan saya pada 22 Julai dalam Dewan yang mulia ini, bila saya bertanyakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan bahawa nampaknya Bank Negara telah menyerahkan kuasa pembuatan dasar atau decision making policy kepada pihak yang tidak diketahui langsung sehingga nampaknya Bank Negara mempunyai satu polisi *ad hoc* dalam menghadapi atau menangani krisis kewangan dan juga pasaran tukaran wang asing. Pada masa itu, apabila saya menimbulkan perkara ini, ini disangkal dengan sekuat-kuatnya oleh pihak Kementerian Kewangan tetapi ucapan saya dibuktikan benar apabila kejadian atau peristiwa-peristiwa selepas ini, kerana pada masa itu apabila saya membangkitkan perkara ini, nilai mata wang ringgit adalah dalam tahap RM2.62 kepada AS\$1.

Sekarang sungguhpun nilai mata wang ringgit ada naik kepada RM3.20 tetapi ia adalah satu perbezaan yang sangat besar kalau berbanding dengan dua bulan yang lepas. Dimana Bank Negara? Bank Negara where are you? Nampaknya sudah hilang. Adakah kita perlu membuat satu papan tanda 'Missing In Action' - Bank Negara MIA. Kalau

Tuan Yang di-Pertua ada lihat panggung wayang atau filem 'MIA - Missing In Action' oleh Chuck Norris, nampaknya itu sudah jadi kepada Bank Negara - MIA. Di manakah peranannya? Nampaknya pula diambil alih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bukan sahaja menjadi 'super supra' national agency, yang mengenali semua perkara yang berkaitan dengan hal-hal kewangan, baik Menteri Kewangan, baik EPU, baik Suruhanjaya Sekuriti, baik Bank Negara. Di manakah Gabenor Bank Negara dalam krisis ini? Ini yang saya hendak bertanya.

Kalau kita hendak menyerahkan kuasa Bank Negara untuk mengawal selia bidang kewangan, ia mestilah dijalankan dengan baik, dengan profesional dan dengan cara yang dapat menimbulkan keyakinan dan kepercayaan penuh bukan sahaja oleh rakyat Malaysia, tetapi yang penting sekali ialah pelabur-pelabur tempatan dan pelabur-pelabur asing.

Yang pertama, saya ingin bertanya sekali lagi, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri berani untuk menjawab soalan ini atau dibenarkan menjawab soalan ini. Yang pertama, berapa banyakkah wang yang Bank Negara telah rugi akibat usaha asalnya untuk mempertahankan nilai mata wang ringgit. Kalau kita melihat dari segi penyata kewangan Bank Negara yang dikeluarkan dua kali seminggu, dan dahulunya saya akan tunggu laporan daripada Bank Negara ataupun financial report, tetapi sekarang kita boleh lihat dalam Internet kerana Bank Negara pun ada satu homepage, hanya klik sahaja, boleh lihat, yang paling terkini RM61.8 bilion. Kita lihat 30 Jun, foreign reserve atau rizab asing Bank Negara adalah hampir RM70.8 bilion, tetapi dalam masa dua minggu telah turun kepada RM61.9 bilion.

Kita hendak tanya, adakah jumlah wang ini, hampir RM9 bilion ini, digunakan untuk mempertahankan nilai mata wang ringgit. Tentu dengan tidak berjaya, tetapi adakah ini digunakan kerana peristiwa ini sudah lepas. Kalau Bank Negara ingin mengamalkan satu sikap yang terbuka, yang telus, mereka harus be man enough to admit your loss. Kalau kerugian adalah RM9 bilion, kita hendak tanya mengapa boleh susut daripada RM70.8 bilion kepada RM61.9 bilion dan angka ini agaknya, saya rasa, daripada 15 Julai sehingga sekarang tidak berapa bergerak, masih dalam tahap RM61.8 bilion. Tetapi mengapa dua bulan ini, daripada 15 Julai hingga sekarang, yang paling terkini saya rasa 15 September, masih dalam peringkat RM61.8 bilion. Dalam dua bulan tidak banyak berubah, tetapi dalam

dua minggu, boleh turun RM9 bilion.

Inilah yang saya hendak bertanya, di mananya pergi RM9 bilion? Kalau Bank Negara tidak mahu jawab, apa gunanya kita mengumumkan penyata kewangan atau balance sheet atau financial account Bank Negara. Apa gunanya kita letakkan dalam homepage, dalam Internet kalau perkara ini tidak mahu dijawab oleh Bank Negara. Jangan anggap rakyat jelata bodoh.

Saya harap Bank Negara dan pihak kementerian boleh terbuka dalam perkara ini. Saya amat kesal bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengenai perkara ini pun tidak mahu mengakui, macam mana dalam dua minggu boleh turun tetapi dua bulan kebelakangan ini masih tetap kekal pada tahap yang sama, iaitu RM61.8 bilion tetapi dalam dua minggu (di antara 30 Jun hingga 15 Julai) turun RM9 bilion. Ini bukan satu jumlah yang kecil, Tuan Yang di-Pertua. RM9 bilion, saya rasa, oh, hebat, besar jumlahnya.

Kalau kita bandingkan jumlah RM9 bilion dengan kerugian yang dialami oleh Sarawak semasa Darurat Jerebu diisytiharkan selama 10 hari, dianggarkan oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sebanyak RM1 bilion, saya rasa RM9 bilion agak besar. Mungkin boleh menampung keseluruhan kerugian yang dialami oleh negara kita dalam tempoh masalah atau krisis jerebu yang dialami oleh negara kita. Ini bukan satu perkara kecil. Kita mendesak dan rakyat menuntut akauntabiliti daripada pihak kerajaan. Apa sudah jadi kepada simpanan (reserve) RM9 bilion yang hilang dalam dua minggu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berkata bahawa kita tidak patut menggunakan rizab simpanan kita untuk mempertahankan nilai mata wang ringgit. Saya tidak berkata demikian. Ia harus digunakan tetapi pada masa yang sepatutnya. Kita tidak harus mencontohi Thailand apabila mereka hampir menggadai seluruh negara mereka untuk mempertahankan nilai Baht sehingga mereka menjadi bankrap dan perlu meminta bantuan daripada IMF sebanyak AS\$17.2 bilion untuk menyelamatkan negara mereka. Kita tidak patut mencontohi mereka, tetapi kita mesti ada satu dasar. Apakah dasar kerajaan?

Mengapakah pada masa itu keputusan dibuat untuk bermati-matian mempertahankan nilai mata wang ringgit bila ia pada tahap RM2.55 sehingga push up ringgit ke tahap RM2.46 - ini pada bulan Julai. Bank Negara push up, dengan izin,

menjunjung harga nilai ringgit daripada RM2.55 hingga RM2.46 kerana tidak boleh tahan tengok nilai mata wang ringgit turun kepada RM2.60. Saya anggarakan membelanjakan kalau lihat penyata kewangan Bank Negara RM9 bilion, tetapi mengapa pada masa itu Bank Negara tidak boleh tahan melihat nilai mata wang ringgit turun lebih rendah daripada RM2.55 kepada AS\$1, tetapi sekarang pula turun lebih teruk, lebih dahsyat, lebih rendah, kepada RM3 sampai RM3.40 - historical low. Dia hanya duduk, diam-diam, goyang kaki sahaja. Ini saya memang tidak faham. Sebab itu saya bertanya, where is Bank Negara? Mana pengamal atau pembuat dasar? Where are the policy makers? Apa sudah jadi? Seakan-akan mereka sudah menyerahkan tanggungjawab. Mereka sudah mengaku tidak boleh buat apa-apa sehingga Perdana Menteri saya rasa sama dengan krisis jerebu - helpless and hopeless.

Saya kadang-kadang sangat kasihan kepada Perdana Menteri, cakap begitu garang di gelanggang antarabangsa dan dunia tetapi tidak ada tindakan susulan. Apakah gunanya Perdana Menteri melaung-laungkan, menghentam sana, menghentam sini, tetapi apabila akhirnya, tidak ada tindakan. Setiap kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat kritikan, ringgit turun, setiap kali hentam lagi, ringgit lagi turun. Tetapi bila Timbalan Perdana Menteri cakap, ringgit naik, seperti hari ini surat khabar ada mengatakan, oh, sahut economy policies, ringgit hari ini naik. Apa ini? Adakah Bank Negara pun terlibat dalam satu komplot dengan pihak-pihak tertentu? Saya rasa tidak beranilah, tetapi ini memberikan gambaran yang sedemikian. Tetapi yang penting, mengapa dalam krisis yang begitu gentar dan genting, Bank Negara hilang, seperti yang saya katakan 'MIA - Missing In Action'. Where is Bank Negara dan apakah dasar mereka? Pada masa itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada di situ, saya tanya, *ad hoc* policy decision making. Kalau macam ini, Gabenor Bank Negara patut letak jawatan. Governor Bank of Thailand sudah letak jawatan kerana nilai Baht telah turun 30% hingga 40%. Adakah Gabenor Bank Negara tidak patut accountable, tidak patut bertanggungjawab atau responsible? Saya rasa dia patut bertanggungjawab sehingga nilai mata wang ringgit turun. Kerajaan cakap 22.4%. Kalau kita banding RM2.46 to RM3.40, ini hampir 35%, dia pun patut memikul dan menanggung tanggungjawab ini.

Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah dasar sebenarnya Bank Negara? Yang Berhormat Setiausaha Parlimen masa itu cakap, oh, kita ada polisi, kita tengok kalau dia turun naik, kita perhatikan. Untuk memastikan dia stabil, baru kita masuk pasaran kewangan. Saya hendak minta jawapan, mengapa masa itu tidak boleh tahan, turun kepada RM2.60, sekarang turun sampai RM3.40, tidak ada merasa pun, macam sudah lali - numb, tak ada rasa lagi, tidak ada perasaan lagi. Numb to a stupor of helplessness. Di mana pokoknya, apakah dasar sekarang Bank Negara?

Tentunya kita harap bahawa nilai mata wang ringgit boleh naik kerana kalau tidak, sekurangnya pulih kepada kadar yang asalnya. Saya bimbang bahawa kesan kepada ekonomi negara akan lebih teruk daripada kejatuhan yang agak menjunam Bursa Saham Kuala Lumpur. Apa yang dialami dalam Bursa Saham Kuala Lumpur tidak boleh dibandingkan kepada kesan negatif yang akan berlaku ekoran kejatuhan teruk nilai mata wang ringgit. Saya tidak tahu sama ada satu kajian terperinci dibuat. Nampaknya Kabinet pun tidak konsisten.

Tadi bila saya bertanyakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila menjawab soalan tambahan saya, beliau menyatakan bahawa ada kesan negatif. Itulah sebab saya bertanya, kalau begitu, mengapa ada menteri cakap pula, ambil kesempatan ringgit yang lebih murah supaya kita boleh tingkatkan eksport, kita boleh menarik lebih banyak pelancong. Itu satu perkembangan yang baik dan bagus. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun saya rasa serba salah dan beliau sudah cakap kesan negatif, tetapi ada menterinya yang cakap baik. Menteri Pelancongannya cakap baik, ini bagus, kita boleh menarik lebih banyak pelancong. Menarik pelancong apakah? Jerebu ini siapa hendak datang? Banyak pelancong sudah batalkan lawatan ke negara kita, siapa hendak datang? Kita tidak boleh nafikan bahawa kesan sebenarnya ialah negatif.

Kalau kita hendak mengatasi masalah ini bukanlah sekadar apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyatakan kita mesti memotong perbelanjaan sebanyak 2%, tidak boleh pergi ke luar negeri, tidak boleh pakai kereta mewah. Nampak semua di sini masih pakai kereta mewah, Mercedes Benz dan sebagainya, tidak tukar, masih serupa juga.....

Seorang Ahli: Lagi besar pun ada.

Tuan Lim Guan Eng: Tak tahulah, mungkin lagi besar punya pun ada. Nampaknya tak konsisten langsung. Ini hanya cakap syok sendiri sahaja. Ini yang pertama.

Yang kedua, dia cakap satu lagi langkah, hapuskan atau batalkan, tangguhkan projek-projek mega. Semalam dalam satu jawapan kepada rakan saya dari Bagan, dia cakap ada empat projek yang akan dibatalkan. Satu, Bakun RM15.5 bilion. Yang kedua, KL Linear City sebanyak RM10 bilion. Yang ketiga, projek lebuhraya pergunungan sebanyak RM5 bilion. Yang keempat, projek Lapangan Terbang Utara (Northern Regional Airport) RM5 bilion. Semua akan ditangguhkan. Ini hanya dibuat selepas kita menghadapi krisis kewangan ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan boleh katakan bahawa inilah langkah-langkah yang kita anggap cukup untuk memulihkan ekonomi kita. Tetapi sungguhpun ini telah diumumkan, tidak boleh lagi, nilai mata wang ringgit masih turun, Bursa Saham Kuala Lumpur masih dalam lingkaran 700 atau KL composite index masih dalam lingkaran 700 mata, tidak bergerak langsung. Oh, minta maaf, 800 mata. Hari ini saya dengar naik 33 mata, itu a little bird told me, itu sebab Yang Berhormat dari Senai senyum sahaja, ada untunglah. Tetapi kalau ada untung pun susah, kerana asalnya sudah rugi besar daripada 1,238 mata tahun lepas, sekarang 800. Saya rasa sungguhpun naik 33 mata bukanlah satu perkara yang boleh dibanggakan. Mungkin Yang Berhormat Datuk dari Senai rasa itu biasalah, tetapi untuk banyak pelabur saham itu bukan satu perkara biasa, itu sakit hati betul.

Adakah kerajaan tahu bahawa semua ini mereka tidak boleh lari daripada tanggungjawab bahawa ada timbul unsur-unsur salah pengurusan ekonomi, tidak boleh dinafikan. Kalau kita banding dengan

pengalaman yang ditunjukkan oleh Singapura, mereka pun sama-sama menghadapi kesan sampingan daripada krisis Thailand atau limpahan sampingan daripada Thailand (spill over effect from Thailand) tetapi mereka tidak menghadapi kejatuhan yang begitu menjunam seperti Malaysia, mengapa? Malah apabila Perdana Menteri Singapura pergi ke Amerika Syarikat dan ini saya lihat dalam Internet, bila ditanya sama ada pihak Singapura akan menghadkan pasaran tukaran wang asing dengan memperkenalkan peraturan-peraturan tertentu, sama seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau adakah beliau menyokong saranan Perdana Menteri untuk mengharamkan perdagangan tukaran wang asing, beliau menyatakan bahawa Singapura tidak bercadang berbuat demikian kerana yang akhirnya menentukan segala-galanya ialah fundamental in your economy. Your economy fundamental is your final determinant. Ini boleh dicerminkan dengan kejatuhan yang agak terkawal kalau dibandingkan dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam perkara ini mempunyai kesan yang sangat teruk sekali. Tentu kita boleh lihat di Singapura sungguhpun jatuh, tetapi tanpa sebarang intervention atau campur tangan daripada Bank Negara Singapura, konsisten dengan apa yang mereka amalkan sebelum itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup, sila sambung esok.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.